

**KOHESI NAHUAN DALAM KARANGAN KEPERIHALAN  
BAHASA CINA PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

**YAU CHENG YAN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

KOHESI NAHUAN DALAM KARANGAN KEPERIHALAN  
BAHASA CINA PELAJAR TINGKATAN EMPAT

YAU CHENG YAN

DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2015

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **YAU CHENG YAN**

(No. K.P/Pasport: 771101-05-5752 )

No. Pendaftaran/Matrik: **TGC090036**

Nama Ijazah: **SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**KOHESI NAHUAN DALAM KARANGAN KEPERIHALAN BAHASA CINA  
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

Bidang Penyelidikan: **Analisis Wacana**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek penggunaan kohesi nahuan dalam karangan bahasa Cina bagi pelajar tingkatan empat. Sejumlah 30 buah karangan jenis keperihaluan dipilih sebagai sampel kajian. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976), dengan memfokuskan empat jenis kohesi nahuan, iaitu rujukan, penggantian, elipsis, dan konjungsi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kohesi yang digunakan dan corak penggunaan kohesi dalam karangan pelajar. Perbincangan secara deskriptif terhadap kohesi yang digunakan disertakan dengan contoh-contoh berkenaan untuk menjelaskan corak dan strategi kohesi yang digunakan oleh pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rujukan dan konjungsi merupakan dua jenis kohesi yang paling kerap digunakan. Selain itu, didapati juga bahawa ramai pelajar sering mengulang rujukan personal yang sama berkali-kali dalam karangan mereka. Jenis kohesi yang digunakan dalam karangan juga adalah sangat terhad dan ini menampakkan kelemahan pelajar dalam membina kesinambungan di antara satu bahagian dengan yang lain dalam karangan. Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan kelemahan pelajar menguasai penggunaan kohesi nahuan dalam penulisan karangan. Beberapa cadangan untuk meningkatkan kemahiran menggunakan kohesi nahuan juga dibincangkan untuk menolong pelajar menghasilkan karangan yang bermutu.

## **ABSTRACT**

The purpose of this study is to analyse the use of cohesion in the Chinese essay by Form 4 students. A total of 30 descriptive essays are selected for this study. The analysis is based on the cohesion theory by Halliday and Hasan (1976), with the focus on four major types of grammatical cohesion: reference, substitution, ellipsis, and conjunction. The objectives of this study are to identify the type of cohesion used, and the patterns of the cohesion used in the students' essays. A descriptive discussion that includes relevant examples is conducted to explain the pattern and the strategy of cohesion used by the students. The findings of this study showed that reference and conjunction are the two types of cohesion that are used most frequently. In addition, it was found that many students repeat the use of personal reference frequently in their essays. The variation of cohesion used in the essays was found to be very limited, and this showed the students' weakness in building the continuity between one part of the passage and another in their essays. In conclusion, this study shows the students' weakness in mastering the skill of using grammatical cohesion in writing essays. Some suggestions to improve the students' mastery of grammatical cohesion in writing are also discussed to help students to produce quality essays.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Pn. Chong Siew Ling yang telah memberi motivasi, tunjuk ajar, bimbingan dan teguran yang bermanfaat kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Kesabaran dan ketabahan beliau menjadi teladan kepada saya. Di samping itu, saya juga berterima kasih kepada En. Alfred Wei Jie, Pn. Eng Lee Choo dan Lee Wei Ying yang pernah menyumbang idea dan pandangan terhadap kajian ini.

Seterusnya, saya juga ingin menunjukkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kawan-kawan iaitu Magdalene Wong, Mangamah Mangai, Wan Harwani bt Wan Hamat yang sentiasa memberi motivasi dan juga bantuan untuk menyempurnakan kajian ini.

Tidak lupa juga jasa baik dan kasih sayang daripada semua ahli keluarga saya yang memberi sokongan yang tidak terhingga kepada saya, terutamanya suami saya Goh Chun Hsian, yang sentiasa bersedia memberi bantuan, semangat dan motivasi untuk menempuhi pelbagai halangan dalam usaha menghasilkan kajian ini.

Sekali lagi, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang pernah menolong saya sama ada secara langsung dan juga tidak langsung.

# KANDUNGAN

ABSTRAK.....	ii
ABSTRACT.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
KANDUNGAN.....	v
SENARAI CARTA.....	viii
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	x
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.0    Pendahuluan.....	1
1.1    Latar Belakang Kajian.....	1
1.2    Penyata Masalah.....	2
1.3    Objektif Kajian.....	6
1.4    Persoalan Kajian.....	6
1.5    Kepentingan Kajian.....	6
1.6    Batasan Kajian.....	9
BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS.....	10
2.0    Pendahuluan.....	10
2.1    Wacana.....	10
2.2    Kohesi.....	13
2.2.1    Koherensi.....	14
2.2.2    Jenis-jenis Kohesi.....	15
2.3    Kajian Lepas Penggunaan Kohesi Dalam Wacana.....	16
2.3.1    Kajian Lepas Berkenaan Bahasa Inggeris.....	17
2.3.2    Kajian Lepas Berkenaan Bahasa Cina.....	23
2.4    Kerangka Teori Kohesi.....	27
2.4.1    Kohesi Nahuan.....	28
2.4.1.1    Kohesi Nahuan Rujukan.....	29
2.4.1.1.1    Rujukan Personal.....	29
2.4.1.1.2    Rujukan Demonstratif.....	30

2.4.1.2	Kohesi Nahuan Penggantian .....	34
2.4.1.2.1	Penggantian Nominal.....	34
2.4.1.2.2	Penggantian Verbal .....	36
2.4.1.2.3	Penggantian Klausa.....	38
2.4.1.3	Kohesi Nahuan Elipsis .....	39
2.4.1.4	Kohesi Nahuan Konjungsi .....	40
2.4.1.4.1	Konjungsi Aditif .....	41
2.4.1.4.2	Konjungsi Adversatif .....	41
2.4.1.4.3	Konjungsi Kausal.....	42
2.4.1.4.4	Konjungsi Temporal.....	43
2.5	Kesimpulan .....	44
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN .....		46
3.0	Pendahuluan.....	46
3.1	Latar Belakang Pelajar .....	46
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	48
3.3	Pengumpulan Data.....	49
3.4	Penganalisan Data.....	52
3.5	Kesimpulan .....	52
BAB 4 ANALISIS DATA .....		53
4.0	Pendahuluan.....	53
4.1	Strategi Penggunaan Kohesi Nahuan .....	53
4.2	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan .....	56
4.2.1	Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan .....	61
4.2.1.1	Rujukan Personal .....	63
4.2.1.2	Rujukan Demonstratif .....	65
4.2.2	Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian .....	68
4.2.3	Penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis .....	71
4.2.4	Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi .....	74
4.2.4.1	Konjungsi Aditif.....	76
4.2.4.2	Konjungsi Adversatif .....	78
4.2.4.3	Konjungsi Kausal .....	80



4.2.4.4	Konjungsi Temporal .....	82
4.3	Kesalahan Penggunaan Kohesi Nahuan .....	83
4.3.1	Kesalahan Penggunaan Penggantian .....	83
4.3.2	Kesalahan Penggunaan Elipsis .....	86
4.3.3	Kesalahan Penggunaan Konjungsi Aditif .....	88
4.3.4	Kesalahan Penggunaan Konjungsi Adversatif .....	89
4.3.5	Kesalahan Penggunaan Konjungsi Kausal .....	91
4.3.6	Kesalahan Penggunaan Konjungsi Temporal .....	92
4.4	Kesimpulan .....	93
BAB 5	KESIMPULAN .....	95
5.0	Pendahuluan .....	95
5.1	Perbincangan Kajian .....	95
5.2	Cadangan .....	98
5.2.1	Cadangan Untuk Penyelidikan Lanjutan .....	100
5.3	Kesimpulan .....	101
BIBLIOGRAFI	.....	103
LAMPIRAN	.....	106

## SENARAI CARTA

<b>Bilangan</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Carta 4.2.1	Kekerapan penggunaan kohesi dalam setiap sampel	58
Carta 4.2.2	Kekerapan penggunaan empat jenis kohesi nahuan	59
Carta 4.2.1.1	Kekerapan penggunaan kohesi nahuan rujukan	61
Carta 4.2.1.2	Kekerapan penggunaan kohesi rujukan dalam setiap sampel	62
Carta 4.2.1.1.1	Kekerapan penggunaan kohesi rujukan personal	63
Carta 4.2.1.2.1	Kekerapan penggunaan kohesi rujukan demonstratif	66
Carta 4.2.2.1	Kekerapan penggunaan kohesi nahuan penggantian	68
Carta 4.2.3.1	Kekerapan penggunaan kohesi nahuan elipsis	71
Carta 4.2.4.1	Statistik penggunaan empat jenis kohesi konjungsi	75
Carta 4.2.4.2	Penggunaan empat jenis kohesi konjungsi dalam setiap sampel	76
Carta 4.2.4.1.1	Kekerapan penggunaan konjungsi aditif	77
Carta 4.2.4.2.1	Kekerapan penggunaan konjungsi adversatif	78
Carta 4.2.4.3.1	Kekerapan penggunaan konjungsi kausal	80
Carta 4.2.4.4.1	Kekerapan penggunaan konjungsi temporal	82

## SENARAI JADUAL

<b>Bilangan</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1.1	Keputusan peperiksaan percubaan PMR bahasa Cina	47
Jadual 4.1.1	Penggunaan kohesi nahuan	54
Jadual 4.2.1	Kekerapan penggunaan kohesi dalam setiap sampel karangan	57
Jadual 4.2.2	Perbandingan kekerapan penggunaan setiap jenis kohesi nahuan	60

## SENARAI RAJAH

<b>Bilangan</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 2.4.1	Model kerangka teori kohesi	28

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan latar belakang kajian ini, termasuk matlamat pengajaran dan pembelajaran tatabahasa yang tersenarai dalam sukatan mata pelajaran bahasa Cina. Aspek kajian seterusnya ialah pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Matlamat pengajaran dan pembelajaran tatabahasa yang tersenarai dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah untuk mata pelajaran bahasa Cina telah mengaitkan penguasaan bahasa Cina dengan keperluan tiga bidang, iaitu bidang komunikasi, bidang informasi dan bidang estetik. Dalam bidang komunikasi, pelajar seharusnya boleh menggunakan bahasa Cina untuk berkomunikasi dalam aktiviti sosial seharian dengan cekap serta dapat menjalin perhubungan dengan penguasaan bahasa Cina, manakala dalam bidang informasi, objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina adalah membolehkan pelajar memperoleh dan menggunakan maklumat berasaskan kemampuan bahasa yang dipelajari. Dalam bidang estetik pula, pelajar seharusnya berupaya menikmati dan menggubah karya-karya penulisan.

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina, pelajar seharusnya menguasai empat kemahiran iaitu, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek

tatabahasa merupakan satu aspek yang penting dan tidak boleh diabaikan, terutamanya dalam pertuturan dan penulisan. Apabila pelajar menguasai aspek tatabahasa ini, mereka akan dapat menggunakan bahasa Cina untuk bercerita, menyampaikan pendapat serta mengemukakan soalan, dan seterusnya dapat bertutur dengan menggunakan kosa kata yang tepat, lancar, semula jadi dan berbudi bahasa dengan menggunakan tatabahasa yang sewajar. Dari segi kemahiran menulis pula, ia bermatlamat memupuk kemahiran seseorang pelajar supaya mampu menggunakan tatabahasa secara tepat untuk menghasilkan karya-karya yang mempunyai isi kandungan yang padat dan tepat, berfikiran positif, dapat memperlihatkan penggunaan bahasa yang baku dan gramatis, dan seterusnya berkebolehan untuk mengenal pasti kesilapan yang terdapat dalam karya-karya pihak lain.

Namun persoalan yang harus difikirkan adalah adakah objektif-objektif tersebut tercapai? Bagaimanakah prestasi atau tahap pencapaian bahasa Cina bagi pelajar yang belajar bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan?

## **1.2 Penyata Masalah**

Perkembangan teknologi informasi yang pesat terutamanya dalam perkomputeran, telefon pintar dan internet telah mengubah cara manusia berkomunikasi. Kini, dengan adanya pelbagai aplikasi atas talian yang berasaskan internet, manusia boleh berinteraksi atas talian tanpa kekangan masa dan jarak. Telefon pintar juga merupakan satu alat komunikasi yang telah menjadi keperluan

asas bagi semua golongan. Para pengguna menggunakannya sebagai alat utama untuk berhubung antara satu sama lain. Mesej segera (*instant messenger*), mel elektronik (*email*), bilik sembang (*chat room*), dan laman jaringan sosial (*social network sites*) digunakan untuk penyampaian maklumat dan berkomunikasi.

Dalam komunikasi atas talian, penyampaian maklumat kini lebih cenderung kepada penyampaian maklumat yang ringkas dan cepat. Kata-kata yang ringkas, akronim serta simbol-simbol turut digunakan dalam mesej-mesej semasa sesi perbualan mahupun dalam mel elektronik justeru mempengaruhi tabiat penggunaan bahasa dalam kalangan golongan muda yang sering menggunakan mesej sebagai cara utama berkomunikasi.

Menurut laporan dari Asia Digital Marketing Year Book 2011, majoriti pengguna internet di Malaysia adalah terdiri daripada golongan muda dalam lingkungan umur 15-24 tahun, iaitu sebanyak 38 peratus daripada jumlah pengakses internet. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa sebanyak 63.3 peratus daripada jumlah pengakses internet menggunakan internet untuk perbualan melalui mesej segera (*instant messenger*). Pada tahun tersebut, penggunaan internet di Malaysia adalah sebanyak 62.9 peratus dan angka ini akan meningkat setiap tahun. Sehingga ke tahun 2014, suatu laporan statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Media Malaysia pada bulan Disember telahpun menunjukkan kadar penggunaan jalur lebar di Malaysia telah mencapai 67 peratus daripada jumlah

penduduk Malaysia yang dapat mengakses internet. Dengan erti lain, golongan pelajar yang berada pada peringkat menengah atas lebih tinggi kebarangkaliannya untuk terdedah kepada tabiat menggunakan kata-kata singkat dan ayat-ayat ringkas yang tidak menepati tatabahasa.

Sebagai pemerhati, kadang-kala menjadi suatu perkara yang mengagumkan apabila melihat kata-kata singkatan yang ‘kreatif’ dihasilkan oleh golongan remaja kini. Akan tetapi kata-kata singkatan yang ‘kreatif’ ini tidak menepati hukum tatabahasa contohnya, perkataan ‘pergi’ telah disingkatkan menjadi *gi\** mahupun *g\**, *xdapt\** (membawa maksud ‘tidak dapat’), *aja\** (sahaja), *sy\** (saya), *\*km* (kami), *mtg\** (*meeting*), *g9\** (*good night*), *2molo\** (*tomorrow*) dan sebagainya. Pengkaji menganggap fenomena ini sebagai fenomena pencemaran bahasa. Fenomena ini bukan hanya terjadi dalam penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, namun telah menular dalam penggunaan bahasa Cina. Kata singkatan mahupun simbol-simbol emosi selalu digunakan sehinggakan mengabaikan aspek tatabahasa, sebagai contohnya, perkataan 酱 “*jiàng*” yang pada asalnya membawa maksud sos, sentiasa ‘disalahgunakan’ oleh pelajar untuk mengganti perkataan 这样 “*zhèyàng*” (begini) sebagai kata singkatanya, sebab sebutan 这样 “*zhèyàng*” hampir sama dengan 酱 “*jiàng*”. Selain itu, pelajar juga sering menggunakan perkataan 然后 “*ránhòu*” (kemudian) sebagai sarana kohesi untuk menghubungkan ayat dengan ayat atau perenggan dengan perenggan dalam karangan mereka dan juga dalam pertuturan.



Kelemahan yang ketara dalam karangan yang dihasilkan oleh golongan ini adalah tiada kesinambungan ayat dalam wacana, dan masalah ini berkait rapat dengan kohesi dalam karangan.

Kohesi merupakan satu aspek bahasa dalam wacana, kohesi adalah ‘organisasi sintaktik’ yang memainkan peranan menyusun wadah ayat-ayat secara padu dan padat supaya maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan mahupun secara lisan atau tulisan. Berdasarkan Halliday dan Hasan (1976:18-19), kohesi merujuk kepada apa yang mempertautkan klausa dengan klausa, ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan dalam sesuatu teks. Pendapat ini juga sepadan dengan pendapat De Beaugrande dan Dressler (1981) bahawa kohesi merupakan salah satu aspek yang penting dalam organisasi sesebuah wacana. Dengan penguasaan dan juga penggunaan kohesi yang baik, maka penutur dan pengguna akan dapat menghasilkan wacana yang baik.

Dengan merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan, didapati penyelidikan yang berkaitan analisis wacana telah banyak dijalankan dan meliputi pelbagai jenis wacana, sama ada wacana bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan juga bahasa Tamil. Akan tetapi, analisis karangan bahasa Cina dalam kalangan pelajar sekolah menengah belum dikaji secara mendalam oleh pengkaji tempatan. Maka, adalah wajar penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti permasalahan yang wujud seterusnya langkah yang pragmatik dapat diambil bagi memartabatkan bahasa Cina dalam kalangan

penuturnya.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini secara amnya bertujuan untuk memperlihatkan kohesi dalam karangan pelajar tingkatan empat. Objektif-objektif utama kajian ini adalah untuk;

1. Mengenal pasti penggunaan kohesi dalam penulisan karangan pelajar.
2. Menganalisa kekerapan penggunaan kohesi dalam penulisan karangan pelajar.
3. Mengenal pasti penggunaan kohesi yang salah dan tidak sesuai dalam karangan pelajar.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah strategi kohesi yang digunakan oleh pelajar dalam karangan bahasa Cina?
2. Apakah kekerapan penggunaan kohesi yang dikenal pasti dalam karangan bahasa Cina pelajar?
3. Apakah kesalahan dan ketidaksesuaian penggunaan kohesi dalam karangan bahasa Cina pelajar?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Hasil tulisan termasuk karangan merupakan satu bentuk komunikasi tulisan yang penting untuk menyampaikan sesuatu perkara atau maklumat serta hasrat dan fikiran penulis kepada pembaca atau penerima mesej. Sekiranya seseorang pengguna

bahasa itu tidak mampu menyampaikan hasrat atau fikirannya dengan hasil tulisan mereka, maka komunikasi tulisan antara penulis dengan pembaca akan dianggap tidak tercapai.

Berasaskan Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, salah satu objektif yang tersenarai dalam huraian sukatan mata pelajaran bahasa Cina ialah, pada akhir pembelajaran di peringkat sekolah menengah, murid dapat menyampaikan maklumat dan melahirkan idea yang imaginatif dan kreatif dengan berkesan sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Maka, karangan bukan sahaja berperanan sebagai wadah penyampaian maklumat atau idea tetapi juga sebagai satu penanda aras tahap penguasaan sesuatu bahasa itu. Oleh hal yang demikian, pelajar seharusnya dapat menghasilkan karangan yang jelas serta berupaya menyampaikan maklumat dan juga buah fikiran dengan berkesan. Oleh itu, penelitian dan penganalisan terhadap kelemahan karangan pelajar merupakan usaha yang penting untuk mencari penyelesaian yang berkesan dalam pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan.

Sebagai seorang guru bahasa Cina, saya mendapati ramai pelajar yang masih tidak dapat menguasai kemahiran menulis karangan. Kelemahan ini dapat dilihat dengan ketara apabila menanda atau membaca karangan mereka. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah pelajar tidak dapat menghasilkan karangan yang menepati kehendak soalan dan ayat-ayat dalam satu perenggan juga tidak mempunyai

kesinambungan atau perkaitan antara satu ayat dengan ayat yang lain disebabkan oleh kegagalan pelajar merancang kerangka karangan sebelum menulis karangan. Che Mohd. Arif (1996) juga menyatakan masalah penyampaian idea dan maklumat yang tidak teratur dan gagal membentuk ayat-ayat yang mempunyai kohesi dalam penulisan karangan merupakan kelemahan yang paling ketara dalam kalangan pelajar. Oleh sebab itu, fokus terhadap permasalahan yang menyebabkan kelemahan-kelemahan tersebut perlu dikaji dengan lebih teliti. Kohesi dalam sesuatu karangan itu memang mempengaruhi penyampaian, hal ini telah dibuktikan dalam kajian Goon (1987), yang menyatakan bahawa pelajar yang boleh menghasilkan karangan yang baik boleh menggunakan kaedah kohesi dengan baik jika dibandingkan dengan pelajar yang lemah dalam penulisan. Sebagai seorang guru bahasa adalah ada kewajiban untuk mendidik dan membimbing pelajar sehingga berupaya menghasilkan wacana yang jelas dan padat samada dari segi penyampaian mahupun isi kandungannya. Seperti apa yang telah disebutkan sebelum ini, kelemahan yang ketara dalam penulisan pelajar ialah kohesi dalam wacana pelajar terdapat banyak kekurangan. Maka, pengkaji merasakan mengenal pasti penggunaan kohesi dalam wacana dan menganalisa penggunaan kohesi dalam karangan adalah penting. Adalah diharapkan agar dapatan kajian ini boleh memberikan satu gambaran yang lebih jelas terhadap penggunaan kohesi dalam karangan pelajar, seterusnya dapat membantu pelajar menghasilkan penulisan yang lebih berkualiti.

## **1.6 Batasan Kajian**

Skop kajian ini melibatkan pelajar tingkatan empat yang terus mempelajari bahasa Cina selepas tingkatan tiga. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan kohesi nahuan dalam karangan bahasa Cina bagi golongan pelajar ini tanpa mengambil kira mutu karangan. Berdasarkan dapatan kajian oleh para penyelidik seperti Connor (1984) dan Alarcon and Morales (2011), penggunaan kohesi dalam penulisan karangan pelajar tidak ada kaitan yang rapat dengan mutu karangan. Maka dalam proses pemilihan sampel karangan, tahap penguasaan bahasa Cina dan mutu karangan tidak dipertimbangkan. Oleh sebab kajian ini merupakan kajian kes jenis deskriptif yang hanya dapat memberi gambaran mengenai kekerapan penggunaan kohesi tertentu dan membuat kesimpulan secara menyeluruh tentang corak-corak penggunaan kohesi berdasarkan data-data yang sedia ada. Hal ini tidak dapat menjelaskan sebab-sebab penggunaan sesuatu kohesi lebih kerap berbanding dengan kohesi yang lain.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini, perbincangan akan dibahagikan kepada tiga aspek melalui aspek pertama, pengkaji akan membincangkan pengertian wacana dan kohesi menurut pandangan tokoh-tokoh dan ahli-ahli linguistik dari negara lain dan juga tempatan. Dalam aspek kedua, pengkajian akan menjurus kepada kajian-kajian lepas berkenaan dengan analisis wacana dan kohesi dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Cina. Manakala aspek ketiga pula akan membincangkan tentang kerangka teori kohesi yang digunakan dalam kajian ini berserta contoh-contoh relevan.

#### **2.1 Wacana**

Dalam bidang analisis wacana bahasa Inggeris, terdapat dua kata kunci yang sering digunakan dalam konteks, iaitu teks (*text*) dan wacana (*discourse*).

Menurut Halliday dan Hasan (1976), perkataan teks digunakan dalam bidang linguistik untuk merujuk kepada suatu petikan yang panjangnya tidak terhad, sama ada dalam bentuk pertuturan atau penulisan yang membentuk satu kesatuan dalam bahasa secara menyeluruh. Teks lebih sesuai ditakrifkan sebagai satu unit semantik. Kalau satu petikan dalam bahasa Inggeris yang mengandungi lebih daripada satu ayat dianggap sebagai teks, maka ciri-ciri bahasa tertentu yang lain juga akan wujud dalam petikan tersebut, untuk membentuk satu kesatuan dan memberikan tekstur kepada petikan tersebut.

Menurut Cook (1989), teks ditakrifkan sebagai suatu ayat atau perenggan yang ditafsir secara formalnya tanpa konteks. Manakala wacana didefinisikan sebagai suatu ayat atau perenggan yang bermakna, berpaduan dan bertujuan. Cook membezakan takrifan perkataan teks dengan wacana dari segi kesinambungan makna yang dibawa oleh sesuatu perenggan bahasa itu. Sekiranya sesuatu pautan ayat itu adalah saling berkait dan membawa maksud, maka ia ditakrif sebagai wacana.

Menurut Nunan (1993), teks merupakan sebarang rekod tulisan yang digunakan untuk berkomunikasi. Manakala definisi bagi wacana adalah tafsiran terhadap peristiwa komunikatif dalam konteks.

Daripada definisi-definisi yang dikemukakan oleh para ahli linguistik di atas, jelas menunjukkan bahawa tiada pendapat yang sama berkenaan dengan definisi teks dan wacana. Terdapat segolongan ahli linguistik yang lain pula yang berpendapat bahawa perkataan teks dan wacana boleh digunakan secara silih berganti. Contohnya, Salkie (1995) tidak membezakan teks dengan wacana dan berpendapat bahawa teks atau wacana, kedua-duanya merupakan satu bahagian bahasa yang mempunyai lebih daripada satu ayat. Oleh itu, analisis teks dan wacana adalah tentang bagaimana ayat-ayat digabungkan untuk membentuk teks.

Menurut seorang tokoh bahasa yang terkenal di Malaysia, Asmah Haji Omar (1980), beliau berpendapat bahawa:

“...wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraihan bab, buku,

siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan di antara butir-butir pikiran dan juga perkembangan akaliah yang ada di dalamnya.”

(Asmah Haji Omar, 1980:11)

Pada pendapat Khatijah Abdul Hamid (1996), wacana mempunyai definisi yang berikut:

“wacana ialah kesatuan bahasa yang lengkap dan paling tinggi dalam bentuk pertuturan dan penulisan yang memperlihatkan kesinambungan pikiran di dalamnya dan merujuk kepada komunikasi dalam konteks.”

(Khatijah Abdul Hamid, 1996:868-880)

Dalam Kamus Dewan edisi keempat, perkataan “wacana” mempunyai definisi yang berikut:

1. keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan;
2. perbincangan atau pertukaran idea secara lisan;
3. kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan (seperti pidato, khutbah) atau tulisan (seperti surat, artikel, novel, cerpen).

Berdasarkan Kamus Dewan pula istilah “wacana”, membawa maksud yang sama dengan definisi perkataan ‘*text*’ dalam bahasa Inggeris yang diterangkan oleh Halliday dan Hasan (1976). Namun terdapat pandangan yang berbeza dalam memberikan pendefinisian istilah ‘*text*’ dan ‘*discourse*’ dalam bahasa Inggeris sehingga maksud perkataan ini dianggap mempunyai perbezaan. Secara



keseluruhannya, kedua-dua perkataan ini sebenarnya merujuk kepada maksud yang hampir sama. Dalam kajian ini, wacana adalah sama dengan “*text*” atau “*discourse*”.

## **2.2 Kohesi**

Menurut definisi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan dalam “*Cohesion In English*” yang diterbitkan pada 1976, mereka berpendapat bahawa kohesi merupakan sebahagian daripada sistem linguistik. Kohesi pada dasarnya merupakan unsur atau elemen yang penting untuk menghubungkan struktur ataupun ayat bagi unsur-unsur yang saling tidak berkaitan di dalam sebuah wacana untuk menghasilkan wacana yang bermakna.

Dalam konteks yang lebih mudah difahami, kohesi merujuk kepada hubungan antara satu perkataan dengan satu perkataan lain sehingga membentuk satu ayat, seterusnya menghubungkan satu ayat dengan ayat yang lain untuk membentuk satu wacana yang lengkap dan bermakna. Apabila terdapat unsur-unsur dalam wacana yang mempunyai maklumat atau informasi yang saling bergantung dan berkaitan, kohesi diperlukan supaya pengekodan ataupun penghantaran mesej menjadi lebih jelas dan berkesan.

Kohesi memainkan peranan yang penting dalam membina kesinambungan di antara satu bahagian dengan yang lain di dalam teks dan dalam membentuk sebuah teks yang mudah difahami oleh pembacanya tentang kaitan antara apa yang telah diperkatakan, yang sedang diperkatakan dan yang akan diperkatakan.

Kaedah-kaedah kohesi yang digunakan adalah berdasarkan kepada cara-cara penyampaian maklumat atau susunan informasi di dalam ayat dari aspek gramatikal dan juga leksikal. Kohesi berperanan untuk merealisasikan hubungan dan urutan dengan menandakan susunan atau urutan ayat di dalam suatu teks dan menyampaikan maklumat dengan jelas dan berkesan.

### **2.2.1 Koherensi**

Sebuah teks boleh dikatakan mempunyai koherensi sekiranya pembaca dapat mengaitkan latar belakang mereka dengan teks berkenaan dan memahami apa yang hendak disampaikan di dalam setiap satu teks atau ayat yang berikutnya. Hal ini boleh berlaku sekiranya pembaca mempunyai pengetahuan sedia ada terhadap konteks tersebut walaupun tiada kohesi yang jelas dalam suatu teks itu. Namun begitu, hal ini tidak memberikan gambaran bahawa kohesi tidak penting di dalam pembinaan ayat atau wacana kerana kohesi juga penting untuk pembinaan wacana dengan idea yang jelas dan mudah difahami.

Penguasaan kohesi di dalam penulisan karangan dalam kalangan pelajar merupakan suatu perkara yang penting. Dengan penggunaan kohesi yang tepat dan sesuai, karangan yang ditulis itu menjadi lebih mudah difahami walaupun tanpa pengetahuan tentang sesuatu topik itu.

### 2.2.2 Jenis-jenis Kohesi

Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi boleh dipersembahkan di dalam teks melalui cara gramatikal dan leksikal. Menurut McCarthy (1991), kohesi nahuan (gramatikal) merupakan tanda pautan semantik antara klausa dengan ayat dalam wacana penulisan dan juga dilafazkan dalam urutan dalam ucapan.

Kohesi gramatikal atau nahuan adalah berdasarkan kepada struktur dalam kandungan sesuatu wacana. Ia memainkan peranan untuk menjalinkan hubungan antara ayat dari aspek gramatikal yang boleh dikategorikan kepada empat jenis, iaitu: rujukan, penggantian, elipsis dan konjungsi. Kohesi nahuan rujukan boleh dibahagikan kepada rujukan personal, rujukan demonstratif dan rujukan komparatif. Kohesi nahuan konjungsi pula merangkumi empat jenis konjungsi yang utama iaitu, konjungsi aditif, konjungsi adversatif, konjungsi kausal dan konjungsi temporal.

Kohesi leksikal pula merupakan kajian berdasarkan kandungan dari segi leksikal, dan menggunakan kosa kata untuk menghubungkan ayat-ayat. Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi leksikal merangkumi dua kategori yang utama, iaitu reiterasi dan kolokasi. Kedua-dua jenis kohesi leksikal tersebut adalah elemen yang penting bagi mewujudkan tekstur dalam sesebuah teks, dengan menjalinkan hubungan antara elemen di dalam konteks perbincangan dalam teks. Setiap kohesi tersebut direalisasikan dengan penggunaan unsur-unsur linguistik yang dikenali

sebagai kaedah kohesi.

Kaedah kohesi adalah amat penting untuk menjalinkan hubungan di antara fasal yang berlainan, ayat-ayat dan perenggan-perenggan untuk membina satu wacana yang saling berkaitan. Ia menjadi penanda kepada hubungan antara idea-idea dan membawa maksud dalam konteks supaya wacana itu menjadi lebih jelas.

### **2.3 Kajian Lepas Penggunaan Kohesi Dalam Wacana**

Selepas Halliday dan Hasan memperkenalkan konsep kohesi di dalam buku "*Cohesion in English*" pada tahun 1976, ia telah membuka satu babak baru dalam kajian berkenaan dengan kohesi. Banyak kajian telah dijalankan untuk menganalisis fungsi dan peranan kohesi dalam wacana Inggeris sejak pengenalan konsep itu. Selain daripada kajian berkenaan kohesi dalam bahasa Inggeris, ramai tokoh mula menjalankan kajian terhadap kohesi dalam bahasa masing-masing, contohnya bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa-bahasa lain.

Terdapat banyak pengkaji yang turut menggunakan teori kohesi ini dalam penterjemahan bahasa lain kepada bahasa Inggeris. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah untuk menganalisis penggunaan kohesi di dalam bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar yang bahasa ibunda mereka bukannya bahasa Inggeris, tetapi mempelajari Inggeris sebagai bahasa asing. Contohnya, dalam kajian Connor (1984), beliau telah menganalisis enam buah karangan mengikut kerangka teori Halliday dan Hasan (1976) untuk mengenal pasti kecenderungan penggunaan kohesi bagi pelajar

yang bahasa ibundanya bukan bahasa Inggris berbanding dengan karangan yang ditulis oleh pelajar yang bahasa ibundanya ialah bahasa Inggris.

Reid (1992) telah menjalankan kajian terhadap sejumlah 768 karangan yang ditulis oleh penulis yang mempunyai latar belakang bahasa yang berlainan, iaitu bahasa Arab, bahasa Cina, bahasa Spanyol, dan bahasa Inggris telah dikaji untuk meneliti corak-corak penggunaan empat jenis kaedah-kaedah kohesi berdasarkan kepada teori kohesi oleh Halliday dan Hasan (1976).

Pakar-pakar dalam bidang linguistik juga telah mengemukakan pandangan mereka terhadap konteks berkenaan berdasarkan kepada kerangka teori tersebut.

### **2.3.1 Kajian Lepas Berkenaan Bahasa Inggris**

Banyak kajian telah dijalankan dalam subjek analisis kohesi terhadap hasil karangan pelajar dari latar belakang yang berlainan untuk menyelidik bagaimana kohesi digunakan dalam karangan pelajar dan apakah corak penggunaannya. Melalui kajian-kajian tersebut, diharapkan dapat memberi idea kepada para pendidik untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa, seterusnya meningkatkan mutu penulisan pelajar.

Kajian analisis berkenaan kohesi dalam bahasa Inggris yang dijalankan oleh para linguistik, kebanyakannya adalah berdasarkan kerangka teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan pada tahun 1976. Sebagai contoh, kajian yang

dijalankan oleh Pritchard (1980). Beliau berpendapat bahawa keupayaan menulis ayat-ayat dengan tatabahasa yang betul bukannya satu-satunya kriteria untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik. Kaedah kohesi yang sesuai adalah penting untuk menjalinkan hubungan antara ayat-ayat untuk menyampaikan maklumat dengan jelas dan cekap. Untuk menjawab persoalan adakah wujud perbezaan dalam penggunaan kohesi antara karangan yang baik berbanding karangan yang lemah, beliau telah menjalankan satu kajian dengan menganalisis 22 buah karangan yang baik dan 22 buah karangan yang lemah. Dapatan kajian itu menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara dalam penggunaan kaedah kohesi dalam karangan yang baik dan karangan lemah adanya. Jenis kohesi yang digunakan dalam karangan baik adalah lebih banyak berbanding dengan karangan yang lemah, tetapi jumlah kekerapan penggunaan kaedah kohesi bagi karangan baik dan karangan lemah tidak mempunyai banyak perbezaan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Witte dan Faigley (1981), mereka berpendapat bahawa untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik, pelajar-pelajar perlu berupaya menulis secara jelas dan ringkas dengan penggunaan kohesi yang sesuai tanpa mengulang perkataan atau ayat yang sama berkali-kali, kerana pengulangan kata-kata ataupun ayat-ayat akan mengelirukan pembaca.

Dalam kajian Connor (1984), enam buah karangan daripada golongan pelajar yang bahasa ibundanya adalah bahasa Inggeris dengan pelajar yang bahasa ibundanya

bukan bahasa Inggeris telah dianalisis berdasarkan kerangka teori Halliday dan Hasan (1976). Hasil kajian itu menunjukkan bahawa ianya tidak terdapat perbezaan yang besar di dalam kekerapan penggunaan kohesi dalam karangan yang dihasilkan oleh dua golongan pelajar tersebut. Namun kohesi adalah salah satu unsur linguistik yang penting dalam wacana, kepadatan kohesi di dalam sesebuah karangan tidak ada kaitan yang rapat dengan kualitinya. Tetapi, tidak boleh dinafikan bahawa sebuah karangan yang bagus, mampu menyampaikan mesej dengan jelas dan cekap dengan menggunakan kaedah kohesi yang pelbagai dan sesuai.

Lindeberg (1985) telah menjalankan kajian terhadap karangan yang ditulis oleh golongan pelajar Sweden yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Dapatan kajian itu menunjukkan bahawa kohesi merupakan salah satu unsur utama yang terdapat dalam karangan yang baik. Mutu sebuah karangan berkait rapat dalam kaedah kohesi yang digunakan. Dengan penggunaan kaedah kohesi yang sesuai untuk menyampaikan idea, ia akan mengurangkan situasi pengulangan perkataan atau ayat yang sama berulang kali. Dapatan kajian beliau dan Connor (1984) adalah selaras dengan dapatan kajian Witte dan Faigley (1981).

Dalam kajian Schneider (1985), sejumlah 30 buah karangan yang ditulis oleh pelajar kolej penutur jati bahasa Inggeris telah dianalisa. Perbezaan penggunaan kohesi dalam karangan yang baik dengan yang lemah telah ditelitikan. Dapatan kajian itu menunjukkan bahawa kohesi yang kukuh telah digunakan untuk menghubungkan

ayat-ayat dalam karangan yang baik, manakala bagi karangan yang lemah, tidak ada kohesi yang sesuai digunakan.

Zhou (2007) menjalankan satu kajian terhadap 20 orang pelajar yang mengikuti kursus bahasa Inggeris, peringkat sarjana di *Zhejiang Normal University, China*. Bahasa ibunda mereka adalah bahasa Cina, mereka telah lulus dalam peperiksaan bahasa Inggeris dan mempunyai keupayaan penulisan yang sederhana. Tujuan kajian tersebut adalah untuk meneliti sama ada mengajar aspek kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan kepada pelajar berbangsa Cina (di negara China) akan meningkatkan tahap penguasaan kohesi dan koherensi dalam karangan bahasa Inggeris dan meningkatkan mutu karangan mereka secara menyeluruh. Dalam kajian beliau, beliau membandingkan kekerapan penggunaan kohesi dalam karangan responden sebelum dan selepas pengajaran teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday. Beliau mengambil tempoh dua bulan untuk kajian ini. Daripada dapatan kajiannya, ia menunjukkan bahawa kohesi rujukan personal adalah paling kerap digunakan dalam karangan mereka sama ada sebelum atau selepas teori kohesi Halliday didedahkan kepada pelajar-pelajar ini. Kohesi yang kedua kerap digunakan ialah kohesi leksikal, diikutinya kohesi konjungsi dan kohesi penggantian.

Zhang (2010) menjalankan satu kajian terhadap pelajar-pelajar kolej yang bukan major dalam bahasa Inggeris and mengambil bahagian dalam *National Entrance Test Of English* pada tahun 2004 demi tujuan memohon program lepasan ijazah di



Universiti Lanzhou, China. Calon-calon dikehendaki menulis sebuah karangan yang panjangnya lebih kurang 200 patah perkataan. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa kohesi leksikal mempunyai peratusan penggunaan yang paling tinggi iaitu 2052 kali (50.60%), diikuti oleh kohesi rujukan 1687 kali (41.60%) dan kohesi konjungsi 295 kali (7.28%). Kohesi elipsis dan kohesi penggantian jarang digunakan dengan hanya 8 kali (0.2%) dan 13 kali (0.32%) masing-masing. Beliau turut membuat kesimpulan bahawa tiada hubung-kait antara mutu karangan dengan kekerapan penggunaan kohesi.

Alarcon and Morales (2011) telah menjalankan satu kajian terhadap 61 buah karangan yang ditulis oleh pelajar universiti. Respoden yang terlibat ialah pelajar-pelajar dari negara Filipina yang berumur 16 hingga 18 tahun, di mana mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai media belajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Responden-responden ini menggunakan bahasa Filipina atau dialek tempatan dan juga bahasa Inggeris dalam pertuturan harian di rumah. Kajian Alarcon and Morales (2011) adalah berdasarkan kerangka teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis kohesi yang digunakan dan kekerapan penggunaan kohesi dalam karangan pelajar, serta mengenal pasti perkaitan antara kekerapan penggunaan kohesi dengan mutu karangan. Untuk menentukan kualiti karangan yang dihasilkan oleh para pelajar, dua orang guru bahasa Inggeris turut terlibat dalam penilaian mutu sampel karangan berkenaan.

Sampel karangan tersebut telah dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif, dan dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa kohesi rujukan mempunyai kekerapan penggunaan yang tertinggi, iaitu sebanyak 90.67% berbanding dengan kohesi-kohesi yang lain, di mana kekerapan penggunaan kohesi konjungsi adalah 9.08% dan kohesi penggantian hanya 0.25%, dan tiada penggunaan kohesi elipsis yang dapat dikenal pasti dalam sampel karangan. Dapatan kajian mereka turut menunjukkan kekerapan penggunaan kohesi tiada kaitan yang rapat dengan mutu karangan. Mereka turut berpendapat bahawa dapatan kajian mereka adalah selari dengan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik yang lain.

Ayub, Seken dan Suarnajaya (2013) telah menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti jenis kohesi yang digunakan dalam karangan bahasa Inggeris yang ditulis oleh 30 orang pelajar yang bertingkat gred 2 di SMAN 1 Labuapi, di daerah West Lombok, Indonesia. 30 buah karangan tersebut telah dianalisis dengan menggunakan kerangka teori Halliday dan Hasan (1976), dan sejumlah 1403 bilangan kohesi telah dikenal pasti. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kohesi rujukan personal adalah lebih kerap digunakan dengan penggunaan 573 kali (40.84%), diikuti oleh kohesi konjungsi 275 kali (19.60%), kohesi elipsis 19 kali (1.35%) dan kohesi penggantian 4 kali (0.29%). Dari segi kohesi leksikal, ia telah digunakan dengan sebanyak 533 kali (37.99%) dengan kebanyakannya adalah penggunaan reiterasi.

### **2.3.2 Kajian Lepas Berkenaan Bahasa Cina**

Kajian kohesi terhadap bahasa Cina hanya bermula apabila teori wacana barat diperkenalkan di negara China pada lewat tahun tujuh puluhan. Sejak itu, terdapat ramai pakar linguistik di negara China mengemukakan teori-teori kohesi berkenaan bahasa Cina berdasarkan kepada kerangka teori wacana dan kohesi dalam bahasa Inggeris. Mereka mengadaptasikan dan mengubahsuai teori yang sedia ada ini kepada ciri-ciri tatabahasa dalam bahasa Cina meskipun ciri-ciri tatabahasa bahasa Cina adalah sangat berbeza berbanding ciri-ciri tatabahasa dalam bahasa Inggeris.

Para linguistik dari negara China mempunyai pandangan yang berlainan tentang cara-cara pengkategorian kohesi. Hal ini menyebabkan terdapat banyak teori yang berbeza telah diperkenalkan, biarpun teori-teori itu berbeza, namun kebanyakan kajian terhadap kohesi adalah berdasarkan kepada kerangka teori Halliday dan Hasan (1976), iaitu, membahagikan aspek kaedah-kaedah kohesi kepada kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Di mana kohesi nahuan boleh dibahagikan kepada empat jenis kohesi, iaitu, kohesi rujukan, kohesi penggantian, kohesi elipsis dan kohesi konjungsi. Manakala bagi kohesi leksikal pula, ia boleh dibahagikan kepada reiterasi dan kolokasi.

Antara tokoh-tokoh linguistik yang terkenal dan berpengaruh dalam bidang analisis wacana yang penting dan sering dirujuk adalah seperti Liao Qiuzhong, Hu Zhuanglin, Huang Guowen dan lain-lain lagi.

Liao merupakan seorang tokoh linguistik bahasa Cina yang telah menjalankan banyak kajian dalam bidang analisis wacana sejak tahun 1983 hingga 1991. Banyak hasil kajian beliau adalah berkenaan dengan kohesi, koheren dan analisis struktur wacana. Beliau telah memberi sumbangan yang besar dalam mengemukakan teori kerangka berkenaan analisis wacana bahasa Cina. Selepas artikel beliau yang berjudul 'Kohesi Dalam Wacana Bahasa Cina' (《现代汉语篇章中的连接成分》) diterbitkan dalam suatu jurnal linguistik pada tahun 1986, artikel tersebut telah menjadi inspirasi kepada ramai penyelidik linguistik dan banyak hasil kajian dalam bidang analisis wacana serta analisis berkenaan kohesi dalam wacana turut diterbitkan.

Tokoh linguistik bahasa Cina, Hu (1994) berpendapat bahawa kohesi dan koheren dalam wacana merupakan satu topik yang harus diutamakan dalam kajian analisis wacana kerana untuk menghasilkan sebuah wacana yang bermutu, penggunaan kohesi yang tepat untuk menghubungkan unsur-unsur dalam wacana menjadi perkara yang amat penting. Hu (1994) memperkenalkan kohesi dan koheren dalam wacana bahasa Cina. Beliau telah menganalisis wacana bahasa Cina dan membandingkan secara sistematik tentang kaedah kohesi bahasa Cina dengan kaedah kohesi bahasa Inggeris berdasarkan teori Halliday dan Hasan (1976).

*“Essentials of Text Analysis”* yang dihasilkan oleh Huang (1988), merupakan salah satu karya yang terawal di negara China yang menggunakan contoh-contoh bahasa Inggeris dan memperkenalkan cara yang sistematik untuk menganalisis kohesi

dan koheren di dalam wacana bahasa Cina. Karya beliau telah dianggap sebagai permulaan bagi analisis kohesi dalam wacana bahasa Cina oleh para penyelidik di negara China. Berdasarkan kerangka teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976), beliau telah membahagikan kohesi kepada tiga kategori yang utama. Selain daripada kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang telah dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976), beliau memperkenalkan satu jenis kaedah penghubung logik yang mewakili hubungan aditif, sebab dan akibat, urutan masa dan lain-lain. Menurut pandangan beliau, untuk menghasilkan sebuah wacana yang koheren, selain daripada kaedah kohesi, ia seharusnya juga mempertimbangkan hubungan antara ayat dengan ayat. Penyusunan informasi dalam ayat perlu mematuhi logik di mana sesuatu perkara bermula dan berakhir supaya ia tidak mengelirukan pembaca dan menjejaskan koheren dalam wacana.

Karya tempatan yang bertajuk ‘Tatabahasa Bahasa Cina Modern’ (《现代汉语语法》) yang dihasilkan oleh Luo (1992) merupakan salah satu karya tatabahasa bahasa Cina yang penting. Ia merupakan sebuah bahan rujukan yang lengkap dengan penerangan dan contoh-contoh tatabahasa bahasa Cina. Di antara topik-topik yang dibincangkan termasuk unsur-unsur ayat, pembentukan ayat, jenis-jenis ayat dan kata-kata penghubung. Dalam karya tersebut, beliau telah menunjukkan cara-cara untuk menganalisis ayat, jenis-jenis kata penghubung serta contoh-contoh kesalahan penggunaan konjungsi di dalam ayat.

Terdapat banyak kajian berkenaan analisis dan klasifikasi terhadap kesalahan penggunaan kohesi dalam wacana bahasa Cina bagi pelajar-pelajar yang bahasa ibunda mereka bukan bahasa Cina. Di antaranya, Wu (2007) telah menjalankan kajian terhadap karangan yang ditulis oleh pelajar dari *XinJiang Ili Normal College* yang berbangsa Uyghur dan Kazak, dan menganalisa kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar tersebut dalam penggunaan kohesi rujukan personal, kohesi rujukan demonstratif dan kohesi konjungsi. Sejumlah 126 buah karangan dengan lebih kurang 70,000 patah perkataan telah dianalisis.

Dapatan kajian menunjukkan kesalahan penggunaan kohesi konjungsi adalah 226 kali (54%), kesalahan kohesi rujukan personal sebanyak 123 kali (29%), dan diikuti oleh kesalahan kohesi rujukan demonstratif sebanyak 71 kali (17%). Menurut kajian beliau, pengaruh penggunaan bahasa ibunda di kalangan pelajar-pelajar merupakan factor kesalahan ini.

Dalam kajian Xiao (2010), beliau telah menganalisa kesalahan penggunaan kohesi dalam karangan yang ditulis oleh pelajar-pelajar Vietnam yang mencapai tahap sederhana dan tinggi dalam peperiksaan kompetensi bahasa Cina (Hanyu Shuiping Kaoshi, HSK) yang dianjurkan oleh negara China.


Dalam kajian itu, sejumlah 500 buah karangan (368,000 patah perkataan) telah dipilih dari pangkalan data untuk dianalisa. Dapatan kajian itu menunjukkan kesalahan penggunaan kohesi konjungsi adalah 387 kali (38.13%), kesalahan kohesi rujukan

personal sebanyak 449 kali (44.24%), dan diikuti oleh kesalahan kohesi rujukan demonstratif sebanyak 149 kali (14.68%). Manakala, kesalahan penggunaan kohesi elipsis adalah hanya 20 kali (1.97%) dan kohesi penggantian 10 kali (0.98%). Menurut pandangan beliau, golongan pelajar Vietnam yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa asing amat dipengaruhi oleh penggunaan bahasa ibunda mereka, kerana struktur-struktur ayat yang salah kebanyakannya adalah hasil penterjemahan terus dari bahasa Vietnam.

Zhang (2010) menjalankan kajian terhadap karangan yang ditulis oleh pelajar yang bahasa ibundanya adalah bahasa Inggeris. Golongan pelajar ini mencapai tahap tinggi dalam peperiksaan HSK. Sejumlah 62 buah karangan (25,000 patah perkataan) telah dikaji. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kohesi konjungsi paling kerap digunakan, dan diikutinya ialah kohesi rujukan personal dan kohesi rujukan demonstratif. Kesalahan penggunaan kohesi konjungsi merangkumi sebanyak 61.49% daripada jumlah kesalahan. Kesalahan penggunaan rujukan personal adalah 19.54%, dan kesalahan penggunaan rujukan demonstratif sebanyak 18.97%.

#### **2.4 Kerangka Teori Kohesi**

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976).



Rajah 2.4.1 Model kerangka teori kohesi

#### 2.4.1 Kohesi Nahuan

Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi terdiri daripada kohesi nahuan (“*grammatical cohesion*”) dan kohesi leksikal (“*lexical cohesion*”). Kohesi nahuan berfungsi untuk menghubungkan unsur-unsur di antara ayat-ayat secara gramatikal, dan ianya boleh dibahagikan kepada rujukan (“*reference*”), penggantian (“*substitution*”), elipsis (“*ellipsis*”) dan konjungsi (“*conjunction*”). Manakala kohesi leksikal adalah hubungan leksikal yang wujud di antara ayat-ayat, dan ianya oleh dibahagikan kepada reiterasi (“*reiteration*”) dan kolokasi (“*collocation*”). Kajian ini hanya tumpukan pada kajian kohesi nahuan, kohesi leksikal tidak akan dibincang dalam kajian ini.



### 2.4.1.1 Kohesi Nahuan Rujukan

Kohesi nahuan rujukan merupakan satu jenis kohesi nahuan dimana ianya berkaitan dengan hubungan semantik. Ia digunakan untuk merujuk kepada bahagian lain dalam wacana untuk memberi maksud yang jelas dengan menghubungkan ayat-ayat dalam wacana. Menurut Halliday dan Hasan (1976:37), kohesi rujukan boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu, rujukan personal, rujukan demonstratif, dan rujukan komparatif.

#### 2.4.1.1.1 Rujukan Personal

Rujukan personal merujuk kepada seseorang, sesuatu perkara atau benda yang dinyatakan dalam ayat dengan penggunaan kata ganti nama. Dalam bahasa Cina, kata ganti nama adalah sama dengan kata ganti nama dalam bahasa Inggeris kerana dalam bahasa Inggeris wujudnya kata ganti nama tunggal ("*singular*") dan kata ganti nama jamak ("*plural*"), begitu juga dalam Bahasa Cina.

Kata ganti nama boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu: ganti nama diri pertama, ganti nama diri kedua, dan ganti nama diri ketiga. Contoh-contoh adalah seperti berikut:

1. Ganti nama diri pertama:

我 "wǒ" (saya), 我们 "wǒmen" (kami), 自己 "zìjǐ" (sendiri)

2. Ganti nama diri kedua:

你 "nǐ" (kamu), 你们 "nǐmen" (kamu), 您 "nín" (anda)

3. Ganti nama diri ketiga:

他 “*tā*” (dia) yang khas untuk lelaki, 她 “*tā*” (dia) yang khas untuk perempuan, 它 “*tā*” (ia) yang khas digunakan pada binatang atau benda yang tidak bernyawa, 他们/她们 “*tāmen*” (mereka).

Contoh ayat (1):

当时， 我 的 父母 都 是 大学 生。  
Dāngshí, wǒ de fùmǔ dōu shì dàxué shēng.  
[Ketika itu] [saya] [punya] [ibubapa] [semua] [adalah] [universiti] [pelajar].

他们 一边 上学， 一边 培养 两 个 孩子。  
Tāmen yībiān shàngxué, yībiān péiyǎng liǎng gè hái zi.  
[Mereka] [sambil] [belajar] [sambil] [mengasuh] [dua] [orang] [anak].

(张颖, 2010:19)  
(Zhang Ying, 2010:19)

Terjemahan:

Pada ketika itu, ibubapa saya kedua-duanya adalah pelajar university. Mereka sambil belajar sambil mengasuh dua orang anak.

Penerangan:

Dalam ayat (1), perkataan 他们 “*tāmen*” (mereka) adalah kata ganti nama diri ketiga yang merujuk kepada ibubapa penulis.

#### 2.4.1.1.2 Rujukan Demonstratif

Rujukan demonstratif merujuk kepada lokasi bagi subjek dan objek dalam sesuatu ayat untuk memberi maklumat tentang skala jarak bagi subjek yang

dirujuk. Contoh-contoh bagi rujukan demonstratif dalam bahasa Inggeris adalah seperti ‘this’, ‘that’, ‘these’, ‘those’, ‘here’, ‘there’, ‘now’ dan ‘then’. Ia termasuk juga “*definite article*” (‘the’, ‘an’, ‘a’), tetapi dalam tatabahasa bahasa Cina, ia tidak mempunyai “*definite article*” seperti yang berada di dalam bahasa Inggeris.

Contoh-contoh rujukan demonstratif dalam bahasa Cina adalah seperti berikut:

该 “gāi” (tersebut), 此 “cǐ” (ini), 这里 “zhèlǐ” (sini), 那里 “nàlǐ” (sana), 这边 “zhèbiān” (sini), 那边 “nàbiān” (sana), 这个 “zhège” (ini), 那个 “nàge” (itu), 这样 “zhèyàng” (begini), 那样 “nàyàng” (begitu) dan lain-lain lagi.

Rujukan demonstratif 那 “nà” (itu) biasa digunakan untuk merujuk kepada sesuatu yang jauh daripada penutur, manakala 这 “zhè” (ini) digunakan untuk merujuk kepada sesuatu yang dekat dengan penutur.

Contoh ayat (2):

上校	马上	发	了	临时	执照	
Shàngxiào	mǎshàng	fā	le	línshí	zhízào	
[Kolonel]	[segera]	[mengeluarkan]	[partikel]	[sementara]	[lesen]	
给	通过	全部	考试	的	人,	正式
gěi	tōngguò	quánbù	kǎoshì	de	rén,	zhèngshì
[kata sendi]	[lulus]	[semua]	[ujian]	[punya]	[orang],	[rasmi]
的	执照	要	西班牙	那边	再	发
de	zhízào	yào	Xībānyá	nàbiān	zài	fā
[partikel]	[lesen]	[perlu]	[Sepanyol]	[sana]	[lagi]	[menghantar]

过来。

guòlái.

[komplemen].

(三毛《撒哈拉的故事》：沙漠中的飯店)  
(San Mao <Sahara De Gu Shi> : Sha Mo Zhong De Fan Dian)

Terjemahan:

Kolonel segera mengeluarkan lesen sementara kepada semua orang yang telah lulus ujian itu, dan pihak Sepanyol sana akan mengeluarkan lesen rasmi dan kemudiannya hantarkannya ke sini.

Penerangan:

Dalam contoh ayat (2), 那边 “nàbiān” (sana) adalah merujuk kepada Sepanyol, ini juga menunjukkan ia jauh daripada tempat penulis berada.

### 2.4.1.3 Rujukan Komparatif

Rujukan komparatif merujuk kepada identiti atau persamaan atau perbezaan sesuatu yang disebutkan secara tidak langsung. Contoh-contoh kaedah kohesi rujukan komparatif yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) adanya: ‘same’, ‘equal’, ‘otherwise’, ‘similar’...

Kohesi rujukan komparatif dalam bahasa Cina adalah seperti 更 “gèng” (lebih) dan 同样 “tóngyàng” (sama seperti).

Contoh ayat (3):

“... 我们	想	找	一	间	更	大,
“... Wǒmen	xiǎng	zhǎo	yī	jiàn	gèng	dà,
“... [Kami]	[ingin]	[mencari]	[satu]	[penjodoh bilangan]	[lebih]	[besar]

更	美	更	明亮	的	屋子	...”
gèng	měi	gèng	míngliàng	de	wūzi	...”
[lebih]	[cantik]	[lebih]	[terang]	[partikel]	[rumah]	...”

Terjemahaan:

...kami ingin mencari satu rumah yang lebih besar, lebih cantik dan lebih terang...

Penerangan:

Dalam ayat (3), dengan adanya perkataan “lebih” yang digunakan, maka mesti ada sebuah rumah yang kecil yang disebutkan sebelumnya, dengan perbandingan antara dua rumah ini, kohesi antara ayat-ayat terjadi.

Menurut Huang (1988:99), rujukan komparatif biasa digunakan bersama kata adjektif dan adverba atau perkataan yang dapat menunjukkan perbandingan dan perbezaan seperti contoh-contoh yang telah disebutkan di atas. Beliau juga berkata, segala perbandingan sekurang-kurangnya melibatkan dua objek atau perkara, maka apabila terjumpa perkataan yang menunjukkan perbandingan, pasti perlu rujuk kepada ayat-ayat lain dalam sesuatu wacana itu. Oleh demikian, kohesi rujukan komparatif terjadi.

Dalam bahasa Cina, kata adjektif dan adverba tiada perubahan morfologi yang menunjukkan perbandingan seperti mana bahasa Inggeris ada (*big, bigger, biggest; good, better, best...*) dan rujukan komparatif juga tidak begitu ketara dalam penulisan karangan pelajar, jadi, dijangka dalam sampel karangan pelajar, rujukan komparatif tidak wujud.

#### **2.4.1.2 Kohesi Nahuan Penggantian**

Kohesi nahuan penggantian digunakan untuk menggantikan sesuatu di antara ayat dengan ayat atau perenggan dengan perenggan dalam wacana dengan sesuatu yang berlainan. Dengan penggunaan kohesi penggantian yang sesuai, dapat mengelakkan penggunaan sesuatu perkataan nominal, verbal ataupun klausal dalam suatu wacana itu diulang berkali-kali supaya tidak membosankan pembaca.

Menurut Halliday dan Hasan (1976:89), walaupun nampaknya kohesi penggantian yang hampir sama dengan kohesi rujukan, padahal, kohesi penggantian adalah perhubungan antara item linguistik, contohnya perkataan atau frasa, manakala kohesi rujukan adalah perhubungan antara maksud sesuatu perkataan itu. Jika dilihat daripada sistem linguistik, kohesi rujukan adalah perhubungan pada peringkat semantik, dan kohesi penggantian pula merupakan perhubungan pada peringkat lexico-grammatical (*lexicogrammatical*), iaitu peringkat antara tatabahasa dengan perbendaharaan kata.

Menurut Halliday dan Hasan (1976) lagi, kohesi penggantian boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu, penggantian nominal, penggantian verbal dan penggantian klausal berdasarkan item yang digantikan.

##### **2.4.1.2.1 Penggantian Nominal**

Apabila suatu kata nama digantikan dengan kata yang lain, maka ia disebut sebagai penggantian nominal. Hu (1994) berpendapat bahawa perkataan 的 “*de*”

(punya) adakalanya bermain peranan sebagai penggantian nominal dalam bahasa Cina.

Contoh ayat (4):

现在	太	冷,	你	夏天	到	我们
Xiànzài	tài	lěng,	nǐ	xiàtiān	dào	wǒmen
[Sekarang]	[terlalu]	[sejuk]	[anda]	[musim panas]	[ke]	[kami]

这里	来。	我们	日	里	到	海边	捡
zhèlǐ	lái.	Wǒmen	rì	lǐ	dào	hǎibiān	jiǎn
[sini]	[mari].	[Kami]	[hari]	[dalam]	[pergi]	[tepi pantai]	[mengutip]

贝壳	去,	红	的	绿	的
bèiké	qù,	hóng	de	lǜ	de
[cangkerang]	[pergi],	[merah]	[punya]	[hijau]	[punya]

都	有...
dōu	yǒu..
[pun]	[ada]...

(余航 《秋日渔歌》)  
(Yu Hang : Qiu Ri Yu Ge)

Terjemahan:

Sekarang terlalu sejuk, anda boleh datang pada musim panas. Kita pergi mengutip cangkerang di tepi pantai pada siang hari. Di situ , ada pelbagai cangkerang, termasuk yang warna merah dan juga yang hijau.

Penerangan:

Dalam contoh di atas, perkataan 的 “de” (punya), merupakan penggantian kepada

perkataan cangkerang.

#### 2.4.1.2.2 Penggantian Verbal

Penggantian verbal ialah kata kerja dalam suatu ayat itu digantikan dengan item tertentu. Dalam bahasa Inggeris, contoh penggantian verbal ialah ‘do’, dalam bahasa Cina pula, tiada perkataan yang boleh diterjemahkan terus daripada ‘do’, tetapi ada perkataan-perkataan lain yang boleh ditakrif sebagai penggantian verbal. Menurut Wang (1944), beliau berpendapat 这么着 “zhè me zhe” (berbuat demikian) berfungsi sebagai penggantian, manakala Zhao (1968) pula, berpendapat perkataan 来 “lái” (‘do so’) boleh juga digolongkan sebagai penggantian verbal. Selain itu 干 “gàn”, 搞 “gǎo”, 闹 “nào” dan 弄 “nòng” juga boleh ditakrifkan sebagai penggantian verbal. Penggantian verbal selalunya dijumpa dalam perbualan. Contohnya,

Contoh ayat (5) :

英子	的	歌声	刚	落,	王	秘书	就
Yīngzi	de	gēshēng	gāng	luò,	wáng	mìshū	jiù
[Ying Zi]	[punya]	[suara]	[baru]	[habis],	[Wong]	[setiausaha]	[pun]

朝着	李	书记	大声	说:	“李	书记,
cháozhe	Lǐ	shūjì	dàshēng	shuō:	“Lǐ	shūjì,
[menuju]	[Li]	[setiausaha]	[suara besar]	[berkata]:	“[Li]	[setiausaha],

大家	都	出了	节目,	您	也
dàjiā	dōu	chūle	jiémù,	nín	yě
[semua orang]	[pun]	[mengeluarkan]	[rancangan],	[anda]	[juga]



来	表演	一个	节目	吧!”
lái	biǎoyǎn	yīgè	jiémù	ba!”
[mari]	[mempersembahkan]	[satu]	[rancangan]	[kata bantu]!”

李	书记	连连	摆手:	“继续,	继续!
Lǐ	shūjì	liánlián	bǎishǒu:	“Jìxù,	Jìxù!
[Li]	[setiausaha]	[lagi dan lagi]	[melambai tangan]	[Teruskan],	[teruskan]!

我	不	来:	你们	接着	来	吧!”
wǒ	bù	lái!	Nǐmen	jiēzhe	lái	ba!”
[saya]	[tidak]	[mari]:	[kamu]	[meneruskan]	[datang]	[kata bantu]!”

(韩天航 《唱念做打》)  
(Han Tian Hang: Chang Nian Zuo Da)

Terjemahan:

Selepas Ying Zi menyanyi, Wong terus menjerit kepada Lee: “Lee, semua orang telah mempersembahkan satu persembahan, saudara juga turut mempersembahkanlah satu acara.”

Lee melambai tangannya : “ Teruskan! Teruskan! Saya tak nak, engkau teruskanlah .”

Penerangan :

Dalam contoh (5), 来 “lái” merupakan penggantian verbal yang telah menggantikan kata kerja ‘mempersembahkan satu persembahan’. Pada asalnya, perkataan 来 “lái” membawa maksud datang atau ke sini, tetapi dalam perbualan, ia boleh digunakan untuk menggantikan verbal.

Menurut Lee (2011:14), penggunaan penggantian verbal dalam wacana memperlihatkan wacana itu ringkas dan padat.

### 2.4.1.2.3 Penggantian Klausa

Penggantian klausa berlaku apabila perkataan-perkataan tertentu digunakan untuk mengganti suatu klausa. Berdasarkan contoh-contoh yang disenaraikan dalam ‘*Cohesion in English*’ dan juga dalam kajian-kajian yang dijalankan oleh para linguist dari negara China menunjukkan bahawa penggantian klausa banyaknya wujud dalam wacana lisan. Contohnya,

Contoh ayat (6):

*A: Can you come back next week?*

*B: I'm afraid not.*

Penerangan :

Dalam ayat (6), perkataan ‘*not*’ mengganti klausa “*I can't come back next week.*”

Contoh ayat (7):

鲁贵:	可是	太太	疼	大	少爷	比
Lǔ Guì:	Kěshì	tàitai	téng	dà	shàoyé	bǐ
[Lu Gui]:	[Tetapi]	[puan]	[sayang]	[besar]	[tuan]	[berbanding]

疼	自己	的	孩子	还	热	还	好。
téng	zìjǐ	de	háizi	hái	rè	hái	hǎo.
[sayang]	[sendiri]	[punya]	[anak]	[lagi]	[panas]	[lagi]	[baik].

四风:	当	后娘	只好	这样。
Sì Fèng:	Dāng	hòuniáng	zhǐhǎo	zhèyàng.
[Si Feng]:	[sebagai]	[ibu tiri]	[terpaksa]	[begini].

(曹禺 《雷雨》)  
(Cao Yu <Lei Yu>)

Terjemahan:

LuGui : Tapi, puan lebih sayang tuan muda daripada anak kandung puan.

Puan : Sebagai ibu tiri, terpaksa begini.

Penerangan :

Dalam ayat (7), perkataan 这样 “zhèyàng” (begini) telah mengganti klausa “lebih sayang tuan muda daripada anak kandungnya”.

Dengan penggunaan kohesi penggantian, penggantian dan klausa yang digantikan adanya kesinambungan yang erat. Kohesi dalam wacana terikat dan makluman baru dapat ditonjolkan.

#### **2.4.1.3 Kohesi Nahuan Elipsis**

Elipsis merupakan pengguguran sesuatu perkataan atau sebahagian daripada ayat. Elipsis, juga boleh dikatakan sebagai proses penggantian di mana sesuatu kata atau ayat itu digugurkan namun tidak digantikan dengan apa-apa perkataan lain seperti apa yang disebutkan oleh Halliday dan Hasan (1976:143), iaitu “*Substitution by zero*”.

Penggunaan elipsis dalam wacana boleh mengelakkan pernyataan yang sama diulang dengan syarat suatu item yang dimaksudkan itu dapat dikesan daripada ayat-ayat sebelumnya.

Menurut Halliday dan Hasan (1976:142), elipsis adalah fenomena di mana sesuatu ditinggalkan tanpa disebut di dalam ayat ataupun konteks, tetapi pembaca

masih boleh memahami maksudnya kerana apa yang digugurkan telah disebutkan sebelumnya, dan dapat difahami melalui struktur hubungan ayat tersebut. Elipsis hanya boleh digunakan apabila pengguguran perkataan atau ayat tersebut tidak menyebabkan kekaburan kepada pembaca, dan pembaca masih dapat mengesan apa yang telah digugurkan dan memahaminya. Mengikut kerangka teori ini, elipsis boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu elipsis nominal, elipsis verbal dan elipsis klausa.

Elipsis nominal merupakan pengguguran kata atau frasa nama di dalam sesuatu ayat. Pengguguran kata atau frasa kerja di dalam sesuatu ayat dikategorikan sebagai elipsis verbal, dan elipsis klausa merupakan pengguguran klausa dalam ayat.

Contoh ayat (8) yang dipetik dari “*Essentials Of Text Analysis*”:

*I want some maps of China. Have you got any  $\emptyset$ ?*

Penerangan:

Dalam ayat (8),  $\emptyset$  merupakan pengguguran *maps of China*. Walaupun telah gugurkan frasa nama, namun pembaca masih boleh faham ayat ini kerana pembaca masih boleh mengesan maklumat berkenaan dari wacana.

#### **2.4.1.4 Kohesi Nahuan Konjungsi**

Konjungsi merupakan satu jenis kata penghubung yang digunakan untuk mengaitkan susunan ayat-ayat secara logikal dan sistematik terhadap apa yang telah diperkatakan sebelum itu dengan apa yang akan diperkatakan berikutnya. Ia memberi penanda kepada kehadiran komponen yang lain di dalam wacana dan sebagai

penunjuk kepada hubungan di antara bagian-bagian wacana.

Dalam bahasa Cina, kata penghubung disebut sebagai 连词 “*liáncí*”. Namun mengikut tatabahasa bahasa Cina, ia boleh dibahagikan kepada pelbagai jenis yang halus dan dikategorikan kepada jenis-jenis yang berlainan berdasarkan kepada sifat-sifatnya, tetapi kajian ini hanya akan menumpukan penerangan kepada jenis-jenis konjungsi seperti konjungsi aditif, konjungsi adversatif, konjungsi kausal dan konjungsi temporal iaitu jenis-jenis konjungsi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) dan juga wujud dalam tatabahasa bahasa Cina.

#### **2.4.1.4.1 Konjungsi Aditif**

Konjungsi aditif digunakan untuk menambah sesuatu informasi kepada ayat. Contoh konjungsi aditif dalam bahasa Cina adalah seperti: 而 “*ér*” (dan), 而且 “*érqiě*” (dan), 或 “*huò*” (atau), 或者 “*huòzhě*” (atau), 另外 “*lìngwài*” (di samping itu), 同样 “*tóngyàng*” (yang sama) dan lain-lain lagi.

#### **2.4.1.4.2 Konjungsi Adversatif**

Hubungan konjungsi adversatif merupakan hubungan yang bertentangan dengan jangkaan. Dengan kata lain, ia menghubungkan dua ayat atau klausa ringkas yang bertentangan makna. Contoh konjungsi adversatif dalam bahasa Cina ialah 然而 “*ránér*” (namun), 不过 “*bùguò*” (walaupun bagaimanapun), 但是 “*dànshì*” (tetapi), 可是 “*kěshì*” (tetapi), 却 “*què*” (tetapi), 虽然 “*suīrán*” (walaupun), 相反 “*xiāngfǎn*” (sebaliknya) dan lain-lain lagi.

### 2.4.1.4.3 Konjungsi Kausal

Konjungsi kausal menghubungkan sebab dan akibat dalam satu ayat. Konjungsi ini dikaitkan dengan perkataan-perkataan seperti:

因为 “yīnwèi” (kerana) ... .. 所以 “suóyǐ” (jadi)

由于 “yóuyú” (oleh kerana) ... .. 因此 “yīncǐ” (oleh itu)

既然 “jìrán” (sejak) ... .. 就 “jiù” (maka)

dan lain-lain lagi.

Contoh ayat:

因为	有关	方面	的	疏忽,	所以	造成
Yīnwèi	yǒuguān	fāngmiàn	de	shūhū,	suóyǐ	zàochéng
[Kerana]	[berkenaan]	[pihak]	[punya]	[kecuaian],	[jadi]	[menyebabkan]

这个 意外。  
zhègè yìwài.  
[ini] [kemalangan].

Terjemahan:

Kerana kecuaiian yang dilakukan oleh pihak berkenaan, jadi menyebabkan kemalangan ini berlaku.

Penerangan:

Dalam ayat di atas, kata penghubung 因为... ..所以 (kerana... ..jadi) digunakan untuk menerangkan sebab dan akibat dalam satu ayat, iaitu kemalangan yang berlaku itu adalah akibat daripada kecuaiian.

#### 2.4.1.4.4 Konjungsi Temporal

Dalam bahasa Cina, perkataan-perkataan seperti 首先 “*shǒuxiān*” (mula-mula), 接着 “*jiēzhe*” (diikutinya), 然后 “*ránhòu*” (kemudian), 于是 “*yúshi*” (kemudian), 后来 “*hòulái*” (kemudian), 终于 “*zhōngyú*” (akhirnya), 最后 “*zuihòu*” (akhirnya) merupakan konjungsi temporal yang menunjukkan perkaitan masa dengan bahagian-bahagian ayat yang berurutan.

Contoh ayat:

起先	只是	毛毛	细雨，	接着	便	下起
qǐxiān	zhǐshi	máomáo	xìyǔ,	jiēzhe	biàn	xiàqǐ
[mula-mula]	[hanya]	[renyai-renyai]	[hujan],	[lepas itu]	[pun]	[turun]

大雨	来。
dàyǔ	lái.
[hujan lebat]	[komplemen].

Terjemahan:

Pada awalnya hanya hujan renyai-renyai, lepas itu hujan menjadi lebat.

Penerangan:

Perkataan 起先 “*qǐxiān*” (mula-mula) dan 接着 “*jiēzhe*” (lepas itu) dalam ayat di atas menunjukkan perkaitan masa dan urutan kejadian itu dalam ayat. Dengan adanya kohesi konjungsi temporal ini, maksud bagi keseluruhan ayat dapat disampaikan dengan lebih jelas.

## **2.5 Kesimpulan**

Karangan merupakan salah satu cara penyampaian maklumat dan pengetahuan dalam bentuk tulisan, dan kohesi adalah suatu alat linguistik yang penting untuk menyampaikan idea secara jelas dan cekap. Untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik, ia melibatkan keupayaan pelajar dalam membina ayat-ayat dan menggunakan kohesi untuk menghubungkan ayat-ayat tersebut supaya maklumat dapat dipersembahkan dengan jelas dan mengikut urutan yang logik.

Berdasarkan kepada dapatan kajian lepas oleh para linguis yang dibincangkan dalam bab ini, ia menunjukkan bahawa penguasaan kohesi adalah amat penting untuk menghasilkan satu karangan yang bermutu bagi pelajar. Kohesi adalah suatu aspek yang mana banyak pelajar masing lemah dan belum menguasainya dengan baik, terutamanya bagi pelajar yang mempelajari bahasa itu sebagai bahasa asing, ataupun bagi pelajar yang mempelajari suatu bahasa yang bukan bahasa utama dalam pembelajaran mereka, seperti pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa Cina di peringkat sekolah menengah kebangsaan. Namun bahasa ibunda mereka adalah bahasa Cina, mereka jarang didedahkan kepada kesusasteraan dan pembelajaran dalam bahasa Cina, dan juga jarang menggunakan bahasa Cina dalam penulisan dalam bentuk yang formal.

Di sekolah menengah kebangsaan, mata pelajaran bahasa Cina merupakan mata pelajaran elektif yang tidak diwajibkan belajar untuk semua pelajar kaum Cina. Bagi



pelajar yang memilih bahasa Cina sebagai mata pelajaran tambahan, waktu pengajaran dan pembelajaran (PDP) yang diperuntukkan adalah 120 minit seminggu. Kebanyakan mata pelajaran seperti Sejarah, Geografi, Pendidikan Seni, Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas, Perdagangan, Pendidikan Moral dan lain-lain lagi diajar dalam bahasa Melayu dan sesetengah mata pelajaran bawah aliran sains diajar dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantaraan yang utama di sekolah menengah kebangsaan, diikuti bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Oleh itu, peluang untuk pelajar menggunakan bahasa Cina adalah kurang kalau berbanding dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek penggunaan kohesi nahuan dalam karangan bahasa Cina bagi pelajar tingkatan empat yang akan mendaftar mata pelajaran bahasa Cina dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (selepas ini dikenali sebagai pelajar), di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan Kuala Lumpur. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti jenis kohesi yang digunakan dan strategi kohesi yang digunakan oleh golongan pelajar, ini termasuk menganalisis kesalahan dan ketidaksesuaian penggunaan kohesi dalam sampel.

#### **3.1 Latar Belakang Pelajar**

Data wacana dalam kajian ini adalah hasil daripada pelajar tingkatan empat. Dengan kata lain, pelajar yang terlibat dalam kajian ini memperoleh sekurang-kurangnya sembilan tahun pendedahan pembelajaran dan pengajaran bahasa Cina, termasuk enam tahun pangalaman pendidikan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Kebanyakan pelajar Cina di sekolah ini boleh bertutur dalam bahasa Cina tetapi mereka lebih kerap menggunakan dialek Cina (Kantonis atau Hakka) dalam perbualan bersama rakan-rakan.

Pada peringkat menengah atas, pelajar boleh membuat pilihan sama ada terus belajar bahasa Cina sebagai mata pelajaran tambahan atau berhenti sehingga tahap tingkatan tiga. Hal ini menyebabkan bilangan pelajar yang terus mempelajari bahasa

Cina dan mendaftarkan mata pelajaran bahasa Cina dalam peperiksaan SPM semakin berkurang selepas tingkatan 3. Pada tahun semasa, hanya tinggal 72 orang pelajar yang terus mempelajari mata pelajaran bahasa Cina dan daripada 72 orang pelajar tersebut, hanya 30 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Cara penetapan responden dan pemilihan sampel karangan akan diterangkan dalam bab 3.3. Umur mereka adalah antara 16 hingga 17 tahun.

Jadual 3.1.1: Keputusan peperiksaan percubaan PMR bahasa Cina

Gred	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
A	4	13%
B	8	27%
C	9	30%
D	7	23%
E	2	7%

Jadual 3.1.1 menunjukkan tahap penguasaan bahasa Cina dan pencapaian 30 orang responden bagi subjek bahasa Cina dalam peperiksaan percubaan PMR. Daripada jadual tersebut, didapati bahawa terdapat 4 orang responden (13%) yang mencapai gred A (cemerlang), 8 orang responden (27%) yang mencapai gred B (kepujian), 9 orang responden (30%) yang mencapai gred C (baik), 7 orang responden (23%) yang mencapai gred D (lulus), dan 2 orang responden (7%) yang gagal dalam peperiksaan percubaan PMR.

Berdasarkan format kertas bahasa Cina dalam peperiksaan SPM, pelajar dikehendaki menjawab satu soalan karangan berformat dan satu karangan umum dalam kertas 1. Panjang karangan umum adalah dalam lingkungan 400 patah perkataan hingga 600 patah perkataan. Karangan umum termasuklah karangan jenis

keperihalan, cereka, fakta dan perbincangan.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kes jenis deskriptif yang bertujuan untuk meneliti penggunaan kohesi dalam penulisan karangan bahasa Cina para pelajar tingkatan empat di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan dalam zon Bangsar, Kuala Lumpur. Wacana yang akan dianalisis dalam kajian ini adalah karangan pelajar. Data dalam kajian ini dianalisis berdasarkan teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976).

Langkah pertama bagi kajian ini adalah mengumpul data. Data yang digunakan untuk analisis adalah karangan yang ditulis oleh pelajar-pelajar tingkatan empat. Setelah data dikumpulkan, langkah yang seterusnya ialah mengenal pasti kohesi nahuan yang digunakan dalam karangan mereka.

Setiap karangan akan dibaca dengan teliti. Kata-kata ganti nama, kata-kata penghubung yang digunakan dalam setiap karangan akan ditanda dan dianalisis untuk mengenal pasti jenis kohesinya berlandaskan kesinambungan ayat-ayat tersebut. Untuk mengenal pasti penggunaan kohesi nahuan penggantian dan elipsis, setiap ayat akan dibaca dengan teliti dan berulang-ulang untuk mengenal pasti sama ada wujudnya penggantian ataupun elipsis dalam ayat tersebut berlandaskan kesinambungan antara ayat-ayat sebelumnya. Setelah jenis-jenis kohesi dikenal pasti, langkah seterusnya ialah pengiraan kekerapan penggunaan kohesi tersebut.

Dalam proses analisis, kaedah kuantitatif dan kualitatif turut digunakan. Kaedah kuantitatif digunakan untuk menerangkan kekerapan penggunaan kohesi dalam karangan pelajar. Kaedah kualitatif digunakan untuk menghuraikan penggunaan kohesi dalam karangan bahasa Cina pelajar tingkatan empat dan mentafsir penyampaian pelajar dalam karangan.

### **3.3 Pengumpulan Data**

Karangan jenis keperihalan dipilih untuk kajian ini kerana pelajar suka menulis karangan jenis keperihalan. Berdasarkan pengalaman pengkaji selaku seorang guru bahasa Cina, antara lima jenis karangan yang diberi pilihan untuk dijawab dalam peperiksaan, pelajar lebih cenderung memilih karangan jenis keperihalan.

Satu tajuk karangan ditetapkan dan masa yang diberikan untuk menjawab adalah selama satu jam tiga puluh minit. Tajuk karangan: “Suatu Hari Yang Saya Nanti-nantikan” (“我满心期待的一天” “*wǒ mǎnxīn qīdài de yìtiān*”) adalah sesuai dengan keupayaan pelajar tingkatan empat. Pelajar-pelajar diminta menulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 400 patah perkataan dalam masa satu jam tiga puluh minit. Karangan yang tidak memenuhi kriteria tersebut tidak akan dinilai.

Sebanyak 72 buah karangan bahasa Cina jenis keperihalan telah ditulis oleh pelajar tingkatan empat. Terdapat 12 buah karangan yang tidak mencapai minimum 400 patah perkataan dan karangan tersebut tidak akan dinilai. Sebanyak 60 buah

karangan yang memenuhi syarat sekurang-kurangnya 400 patah perkataan disusun dan dilabelkan “1” dan “2”, seterusnya karangan yang dilabelkan “1” dipilih dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini. Sebanyak 30 buah karangan terpilih untuk dianalisis dan diterangkan secara deskriptif dalam bab empat. Setiap sampel karangan pelajar yang dianalisis akan dilabelkan dengan rujukan nama bermula dengan KS1 hingga KS30. Proses pemilihan sampel ditunjukkan secara kasar melalui jadual di bawah:

No	Responden	Jumlah Perkataan	Syarat Minimum	
1	张庭俊	537	✓	1
2	郭慧燕	409	✓	2
3	张志良	517	✓	1
4	李万棋	174	X	
5	罗永胜	189	X	
6	张怀俊	203	X	
7	杨家安	497	✓	2
8	黄美琪	427	✓	1
9	曾蓉蓉	348	X	
10	黄可欣	489	✓	2
11	苏慧莹	537	✓	1
12	李家伟	413	✓	2
13	许禄来	349	X	
14	何俊洛	622	✓	1
15	梁家伟	383	X	
16	潘韦彰	388	X	
17	吴彩菱	414	✓	2
18	李天松	458	✓	1
19	黄德亮	417	✓	2
20	袁文轩	508	✓	1
21	陈永安	418	✓	2
22	方进生	409	✓	1
23	郑福成	426	✓	2
24	郑乐升	352	X	
25	梁嘉雄	357	X	
26	赖盈敏	405	✓	1
27	张佩云	440	✓	2
28	邓应煌	371	X	



No	Responden	Jumlah Perkataan	Syarat Minimum		Sampel
1	张庭俊	537	✓	1	ks1
2	张志良	517	✓	1	ks2
3	黄美琪	427	✓	1	ks3
4	苏慧莹	537	✓	1	ks4
5	何俊洛	622	✓	1	ks5
6	李天松	458	✓	1	ks6
7	袁文轩	508	✓	1	ks7
8	方进生	409	✓	1	ks8
9	赖盈敏	405	✓	1	ks9
10	黄启彬	419	✓	1	ks10
11	卢慧仪	710	✓	1	ks11
12	吴子欣	403	✓	1	ks12
13	周佳欣	453	✓	1	ks13
14	张伟丰	417	✓	1	ks14
15	张慧文	740	✓	1	ks15
16	丘俊壕	792	✓	1	ks16
17	黄伟勇	437	✓	1	ks17
18	郑金阳	450	✓	1	ks18
19	丽容	449	✓	1	ks19
20	王俐箐	435	✓	1	ks20
21	潘永成	836	✓	1	ks21
22	容家俊	573	✓	1	ks22
23	何靖言	669	✓	1	ks23
24	王威霏	677	✓	1	ks24
25	淑伊	479	✓	1	ks25
26	杨紫燕	466	✓	1	ks26
27	叶翠玲	552	✓	1	ks27
28	钟振铭	440	✓	1	ks28

29	黄启彬	419	✓	1
30	詹稍薇	432	✓	2
31	卢慧仪	710	✓	1
32	杨伟俊	927	✓	2
33	吴子欣	403	✓	1
34	黄珮茵	741	✓	2
35	周佳欣	453	✓	1
36	张楚莉	598	✓	2
37	张伟丰	417	✓	1
38	简詠斯	672	✓	2
39	张慧文	740	✓	1
40	曾佩琪	442	✓	2
41	丘俊壕	792	✓	1
42	张舒惠	446	✓	2
43	黄伟勇	437	✓	1
44	钟镇多	452	✓	2
45	郑金阳	450	✓	1
46	赖佩璇	442	✓	2
47	丽容	449	✓	1
48	李思慧	531	✓	2
49	王俐箐	435	✓	1
50	周彩汕	509	✓	2
51	潘永成	836	✓	1
52	陈蕙莹	507	✓	2
53	容家俊	573	✓	1
54	王祖贤	416	✓	2
55	何靖言	669	✓	1
56	温展锋	460	✓	2
57	王威霏	677	✓	1
58	黄顺达	500	✓	2
59	淑伊	479	✓	1
60	谢秉乾	579	✓	2
61	杨紫燕	466	✓	1
62	杨卉如	463	✓	2
63	叶翠玲	552	✓	1
64	汤玉玲	468	✓	2
65	钟振铭	440	✓	1
66	马政斌	477	✓	2
67	叶文轩	572	✓	1
68	曾慧仪	484	✓	2
69	杨育雯	909	✓	1
70	彭喜富	484	✓	2
71	萧佩霓	400	X	
72	朱庭文	398	X	



29	叶文轩	572	✓	1	ks29
30	杨育雯	909	✓	1	ks30

### **3.4 Penganalisan Data**

Pada peringkat awal, data-data kajian dianalisis untuk mengenal pasti jenis kohesi yang digunakan dalam sampel. Langkah seterusnya adalah pengiraan kekerapan penggunaan kohesi dalam sampel. Pada masa yang sama, pengkaji juga akan mengenal pasti penggunaan kohesi yang salah dan tidak sesuai, penggunaan kohesi yang salah dan tidak sesuai ini tidak akan diambil kira dalam pengiraan kekerapan tetapi akan dibincangkan secara deskriptif bersama contoh-contoh berkenaan yang dipetik dari sampel. Perbincangan juga dimantapkan lagi dengan menggunakan jadual-jadual dan analisis kuantitatif.

### **3.5 Kesimpulan**

Bab ini menerangkan cara dan syarat sampel karangan bagi kajian ini dikumpul dan dipilih. Disertakan juga cara menganalisis data dan bentuk penyampaiannya. Bab seterusnya akan membincangkan penganalisan data dan dapatan kajian yang diperoleh secara terperinci.



## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.0 Pendahuluan**

Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek penggunaan kohesi nahuan dalam karangan bahasa Cina oleh pelajar tingkatan empat. Data-data yang telah dikumpulkan akan dibincangkan secara deskriptif berikutan dengan jadual-jadual dan carta-carta untuk memberi gambaran yang lebih mudah difahami. Melalui kajian ini, kita boleh mengetahui jenis-jenis kohesi yang sering dan kerap digunakan oleh kalangan pelajar ini, dan juga untuk mengenal pasti jenis kohesi yang digunakan dalam karangan pelajar.

#### **4.1 Strategi Penggunaan Kohesi Nahuan**

Daripada 30 sampel karangan, didapati empat jenis kohesi nahuan yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan iaitu kohesi rujukan, penggantian, elipsis dan konjungsi dapat dikesan tetapi bukan kesemua sampel karangan ini mengandungi keempat-empat kohesi nahuan itu. Didapati sebanyak 239 kohesi rujukan telah dikenalpastikan dalam 30 sampel kajian ini. Dengan jumlah 239 kohesi rujukan yang disenaraikan dalam jadual 4.1.1 di bawah adalah tidak termasuk 我“wǒ” (saya), ini adalah disebabkan tajuk karangan sampel adalah “Suatu Hari Yang Saya Nanti-nantikan” (我滿心期待的一天 “wǒ mǎnxīn qīdài de yìtiān”). Dalam keadaan ini, kata ganti “saya” dalam sampel karangan tidak diambil kira sebagai kohesi rujukan, ia hanya sebagai kata ganti nama.

Jadual 4.1.1: Penggunaan kohesi nahuan

Kohesi Nahuhan							
Rujukan		Penggantian		Elipsis		Konjungsi	
Perkataan	Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataa	Bil.
我们 (kami)	51	Nominal	18	Nominal	147	而且 (dan)	6
你 (kamu)	2	Verbal	0	Verbal	8	也是 (juga)	1
他/她 (dia)	30	Klausa	0	Klausa	2	不但 (bukan sahaja)	1
他们 (mereka)	28					不仅 (bukan sahaja)	1
自己 (sendiri)	3					甚至 (malah)	2
它 (ia)	2					而 (tetapi)	13
之 (ia)	1					就是 (adalah)	3
此 (ini)	1					只是 (hanya)	3
这 (ini)	70					不过(walau bagaimanapun)	6
那 (itu)	51					可是 (tetapi)	15
						但 (tetapi)	7
						但是 (tetapi)	13
						虽然 (walaupun)	15
						因为 (kerana)	35
						所以 (oleh itu)	16
						因此 (oleh itu)	3
						由于 (oleh kerana)	8
						原来 (jadi)	4
						然后 (kemudian)	13
						后来 (kemudian)	1
						于是 (kemudian)	2
JUMLAH	239	JUMLAH	18	JUMLAH	157	JUMLAH	168

Pelajar kerap menggunakan kohesi rujukan dalam karangan mereka. Dapatan ini selaras dengan pendapat Lin (2013), dalam tesis sarjananya yang berkata bahawa kohesi rujukan kerap digunakan dalam prosa moden bahasa Cina. Pelajar juga banyak menggunakan kata penghubung untuk menghubungkan perenggan dengan perenggan. Antara strategi kohesi konjungsi yang wujud, pelajar nampaknya suka menggunakan konjungsi adversatif dan kausal. Kata hubung yang selalu digunakan dalam karangan mereka adalah lebih kurang sama. Contohnya, 虽然 “*suīrán*” (walaupun), 但是 “*dànshì*” (tetapi), 因为 “*yīnwèi*” (kerana) dan 所以 “*suǒyǐ*” (oleh itu).

Dalam 30 sampel karangan ini, hampir semua sampel menggunakan kohesi konjungsi kausal, hanya 3 sampel karangan (KS5, KS17 dan KS19) tidak menggunakan kohesi konjungsi kausal. Menurut Luo (1992:298), kata penghubung yang boleh digunakan sebagai kohesi konjungsi kausal adalah 因而 “*yīnér*” (Oleh itu), 既然 “*jìrán*” (memandangkan), 因为 “*yīnwèi*” (kerana), 所以 “*suǒyǐ*” (oleh itu), 因此 “*yīncǐ*” (Oleh itu), 由于 “*yóuyú*” (Oleh kerana) dan 原来 “*yuánlái*” (Jadi).

Antara tujuh jenis perkataan yang digunakan dalam kohesi konjungsi kausal yang disenaraikan oleh Luo (1992:298), pelajar hanya gunakan lima jenis perkataan iaitu 因为 “*yīnwèi*” (kerana), 所以 “*suǒyǐ*” (oleh itu), 因此 “*yīncǐ*” (Oleh itu), 由于 “*yóuyú*” (Oleh kerana) dan 原来 “*yuánlái*” (Jadi).

Menurut Luo (1992:302) juga, beliau telah senaraikan sepuluh jenis perkataan yang digunakan dalam kohesi konjungsi adversatif iaitu 虽然 “*suīrán*” (walaupun), 尽

管 “*jǐnguǎn*” (walaupun), 可是 “*kěshì*” (tetapi), 但是 “*dànshì*” (tetapi), 而 “*ér*” (tetapi), 却 “*què*” (tetapi), 然而 “*ránhé*” (tetapi), 不过 “*bùguò*” (walau bagaimanapun), 其实 “*qíshí*” (sebenarnya) dan 就是 “*jiùshì*” (tetapi). Manakala kohesi yang digunakan oleh pelajar dalam karangan mereka adalah terhad kepada beberapa jenis sahaja. Contohnya, pelajar hanya menggunakan lapan daripadanya, iaitu 可是 “*kěshì*” (tetapi), 就是 “*jiùshì*” (adalah), 只是 “*zhǐshì*” (hanya), 但 “*dàn*” (tetapi), 不过 “*bùguò*” (walau bagaimanapun), 但是 “*dànshì*” (tetapi), 虽然 “*suīrán*” (walaupun) dan 而 “*ér*” (tetapi).

## 4.2 Kekekapan Penggunaan Kohesi Nahuan


Jadual 4.2.1 menunjukkan jumlah perkataan di setiap karangan yang dianalisis berserta dengan kekerapan penggunaan empat jenis kohesi nahuan berdasarkan kepada kerangka teori yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976), iaitu kohesi nahuan rujukan, penggantian, elipsis, dan konjungsi.

Daripada sejumlah 16,298 patah perkataan dalam 30 buah karangan yang dikajikan, sebanyak 582 kohesi dapat dikesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kohesi rujukan merupakan kohesi nahuan yang paling biasa digunakan dalam karangan pelajar tingkatan empat, juga didapati kohesi ini digunakan dalam semua karangan pelajar. Ia telah digunakan sebanyak 239 kali. Diikutinya adalah penggunaan kohesi nahuan konjungsi, iaitu sebanyak 168 kali. Manakala bagi penggunaan kohesi nahuan elipsis dan penggantian, jumlahnya hanya 157 kali dan 18

kali masing-masing.

Jadual 4.2.1: Kekerapan penggunaan kohesi dalam setiap sampel

Sampel Kod	Jumlah Perkataan	Kohesi Nahuan				Jumlah Kohesi
		Rujukan	Penggantian	Elipsis	Konjungsi	
KS1	537	15	7	6	6	34
KS2	517	7	0	8	10	25
KS3	427	3	0	12	3	18
KS4	537	9	0	3	6	18
KS5	622	7	0	4	7	18
KS6	458	6	0	4	4	14
KS7	508	9	0	3	8	20
KS8	409	3	0	4	5	12
KS9	405	8	5	2	8	23
KS10	419	8	0	6	4	18
KS11	710	7	0	6	5	18
KS12	403	10	0	1	5	16
KS13	453	12	0	2	2	16
KS14	417	3	0	7	4	14
KS15	740	3	6	8	8	25
KS16	792	5	0	3	3	11
KS17	437	19	0	6	10	35
KS18	450	6	0	3	2	11
KS19	449	14	0	6	3	23
KS20	435	4	0	5	7	16
KS21	836	1	0	8	9	18
KS22	573	10	0	1	3	14
KS23	669	8	0	11	6	25
KS24	677	11	0	7	8	26
KS25	479	4	0	2	3	9
KS26	466	5	0	2	3	10
KS27	552	10	0	7	5	22
KS28	440	5	0	3	10	18
KS29	572	17	0	5	5	27
KS30	909	10	0	12	6	28
Jumlah	16298	239	18	157	168	582



Carta 4.2.1: Kekerapan penggunaan kohesi dalam setiap sampel


Carta 4.2.1 menunjukkan kekerapan penggunaan empat jenis kohesi nahuan dalam jumlah 30 sampel karangan. Didapati bahawa KS17 mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan rujukan yang tertinggi (18 kali) di antara 30 buah sampel karangan yang dikajikan, diikuti oleh KS29 (17 kali) dan KS1 (15 kali). Manakala KS1 pula, hanya menggunakan kohesi nahuan rujukan sekali sahaja dalam karangannya.

Melalui kajian ini, didapati bahawa bukannya semua karangan menggunakan kohesi penggantian, dan ia hanya wujud dalam tiga sampel, iaitu KS1, KS9, dan KS15 dengan penggunaan 7 kali, 5 kali, dan 6 kali.

Elipsis digunakan dalam semua karangan, ia digunakan sekurang-kurangnya sekali dalam karangan, contohnya, KS12, KS22 dan KS25, masing-masing terdapat satu kohesi elipsis sahaja. KS3 dan KS30 pula mempunyai penggunaan kohesi elipsis yang tertinggi iaitu sebanyak 12 kali.

KS2, KS17, KS28 mempunyai penggunaan kohesi konjungsi yang tertinggi,

iaitu sebanyak 10 kali, KS13 dan KS18 pula menggunakan kohesi konjungsi dengan hanya dua kali sahaja.



Carta 4.2.2: Kekerapan penggunaan empat jenis kohesi nahuan

Carta 4.2.2 menunjukkan kekerapan penggunaan bagi empat jenis kohesi nahuan dalam jumlah 30 sampel karangan. Di antara empat jenis kohesi nahuan yang berkenaan, kohesi rujukan mencapai 41% (239 kali) daripada jumlah jenis kohesi nahuan yang digunakan. Diikuti oleh kohesi konjungsi 29% (168 kali), elipsis 27% (157 kali) dan penggantian 3% (18 kali). Kohesi rujukan paling banyak digunakan, manakala kohesi penggantian kurang digunakan. Pelajar tidak pandai menggunakan kata lain untuk mengganti perkataan yang sedia ada, ini menyebabkan kadang-kadang karangan itu banyak perkataan yang diulang berkali-kali, ini bukan saja tidak sedap bahasanya maka membosankan pembaca. Berdasarkan pengalaman pengkaji selaku

guru bahasa Cina, faktor utama pelajar tidak dapat menggunakan kata penggantian adalah penguasaan perbendaharaan kata yang lemah dengan sebab mereka tidak mengamalkan tabiat membaca. Oleh sebab pembacaan yang kurang, dan selain tiga waktu pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dalam jadual, mereka tidak banyak terdedah kepada bahasa Cina. Penguasaan perbendaharaan kata mereka adalah terhad.


Jadual 4.2.2: Perbandingan kekerapan penggunaan setiap jenis kohesi nahuan

Sampel Kod	Kohesi Nahuan				Jumlah Kohesi
	Rujukan	Penggantian	Elipsis	Konjungsi	
KS1	15 (44.1%)	7 (20.6%)	6 (18%)	6 (17.6%)	34 (100%)
KS2	7 (28.0%)	0	8 (32%)	10 (40.0%)	25 (100%)
KS3	3 (16.7%)	0	12 (67%)	3 (16.7%)	18 (100%)
KS4	9 (50.0%)	0	3 (17%)	6 (33.3%)	18 (100%)
KS5	7 (38.9%)	0	4 (22%)	7 (38.9%)	18 (100%)
KS6	6 (42.9%)	0	4 (29%)	4 (28.6%)	14 (100%)
KS7	9 (45.0%)	0	3 (15%)	8 (40.0%)	20 (100%)
KS8	3 (25.0%)	0	4 (33%)	5 (41.7%)	12 (100%)
KS9	8 (34.8%)	5 (22%)	2 (9%)	8 (34.8%)	23 (100%)
KS10	8 (44.4%)	0	6 (33%)	4 (22.2%)	18 (100%)
KS11	7 (38.9%)	0	6 (33%)	5 (27.8%)	18 (100%)
KS12	10 (62.5%)	0	1 (6%)	5 (31.3%)	16 (100%)
KS13	12 (75.0%)	0	2 (13%)	2 (12.5%)	16 (100%)
KS14	3 (21.4%)	0	7 (50%)	4 (28.6%)	14 (100%)
KS15	3 (12.0%)	6 (24%)	8 (32%)	8 (32.0%)	25 (100%)
KS16	5 (45.5%)	0	3 (27%)	3 (27.3%)	11 (100%)
KS17	19 (54.3%)	0	6 (17%)	10 (28.6%)	35 (100%)
KS18	6 (54.5%)	0	3 (27%)	2 (18.2%)	11 (100%)
KS19	14 (60.9%)	0	6 (26%)	3 (13.0%)	23 (100%)
KS20	4 (25.0%)	0	5 (31%)	7 (43.8%)	16 (100%)
KS21	1 (5.6%)	0	8 (44%)	9 (50.0%)	18 (100%)
KS22	10 (71.4%)	0	1 (7%)	3 (21.4%)	14 (100%)
KS23	8 (32.0%)	0	11 (44%)	6 (24.0%)	25 (100%)
KS24	11 (42.3%)	0	7 (27%)	8 (30.8%)	26 (100%)
KS25	4 (44.4%)	0	2 (22%)	3 (33.3%)	9 (100%)
KS26	5 (50.0%)	0	2 (20%)	3 (30.0%)	10 (100%)
KS27	10 (45.5%)	0	7 (32%)	5 (22.7%)	22 (100%)
KS28	5 (27.8%)	0	3 (17%)	10 (55.6%)	18 (100%)
KS29	17 (63.0%)	0	5 (19%)	5 (18.5%)	27 (100%)
KS30	10 (35.7%)	0	12 (43%)	6 (21.4%)	28 (100%)
Jumlah	239 (41.1%)	18 (3.1%)	157 (27%)	168 (28.9%)	582 (100%)



Jadual 4.2.2 menunjukkan perbandingan kekerapan dan purata penggunaan kohesi bagi setiap karangan. Daripada jadual, didapati walaupun kohesi nahuan rujukan mencapai peratus penggunaan yang paling tinggi antara empat jenis kohesi ini secara keseluruhan, tetapi ini tidak bermaksud kesemua pelajar menggunakan paling banyak kohesi rujukan dalam karangan mereka. Contohnya KS2, KS3, KS14, KS21, KS23, KS28 dan KS30, ketujuh-tujuh sampel karangan ini menunjukkan bahawa kohesi rujukan bukanlah kohesi yang paling kerap digunakan.

#### 4.2.1 Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan




Carta 4.2.1.1: Kekerapan penggunaan kohesi nahuan rujukan

Kohesi nahuan rujukan merupakan salah satu kohesi yang biasa dan sering digunakan, dan dapatan kajian ini adalah selaras dengan jangkaan. Antara kaedah kohesi yang kerap digunakan termasuk kata ganti nama, kata ganti nama memang

kerap digunakan dalam penulisan karangan. Dalam analisis kajian ini, kata ganti nama 我 “wǒ” (saya) adalah tidak dikira dalam analisis kuantitatif, sebab dengan tajuk karangan ini “Suatu Hari Yang Saya Nanti-nantikan” (我满心期待的一天 “wǒ mǎnxīn qīdài de yìtiān”). Perkataan “我” sudah pasti akan wujud dengan banyak kali, dan dalam keadaan ini, ia tidak diambil kira sebagai suatu strategi kohesi.

Daripada carta tersebut, didapati sejumlah 239 kohesi rujukan telah digunakan. Antaranya, sebanyak 117 (49%) rujukan personal, 122 (51%) rujukan demonstratif. Didapati bahawa rujukan nahuan komparatif tidak digunakan dalam karangan pelajar.



Carta 4.2.1.2: Kekerapan penggunaan kohesi rujukan dalam setiap sampel


Carta 4.2.1.2 menunjukkan kekerapan penggunaan kohesi nahuan rujukan di mana ianya dibahagikan kepada tiga sub-kategori, iaitu rujukan personal, rujukan demonstratif, dan rujukan komparatif.

Carta ini menunjukkan bahawa KS17 dan KS29 mempunyai kekerapan penggunaan rujukan personal yang tertinggi (14 kali) di antara 30 buah sampel

karangan yang dikajikan, diikuti oleh KS1 (11 kali). Didapati terdapat lima sampel karangan tidak menggunakan rujukan personal, iaitu KS8, KS9, KS21, KS22 dan KS25. KS22 dan KS24 telah menggunakan sebanyak 10 kali rujukan demonstratif. Tiada penggunaan rujukan demonstratif dalam tiga sampel karangan, iaitu, KS15, KS26, dan KS27. Tiada satu pun karangan yang menggunakan rujukan komparatif.

#### 4.2.1.1 Rujukan Personal

Terdapat lapan jenis rujukan personal yang dikenali di dalam 30 sampel karangan. Senarai contoh-contoh rujukan ganti nama personal yang digunakan adalah seperti yang berikut: 我们 “women” (kami/kita), 你 “ni” (kamu), 他/她 “tā” (dia), 他们 “tāmen” (mereka), 自己 “ziji” (sendiri), 它 “tā” (ia) dan 之 “zhi” (ia).



Carta 4.2.1.1.1: Kekekapan penggunaan rujukan personal

Rujukan ganti nama pertama 我们 “women” (kami/kita) didapati telah

digunakan sebanyak 51 kali (44%). Bagi kata ganti diri kedua, 你 “*nǐ*” (kamu) mempunyai kekerapan penggunaan dua kali sahaja. Kata ganti nama diri ketiga 他/她 “*tā*” (dia) dan 他们 “*tāmen*” (mereka) digunakan sebanyak 30 (26%) dan 28 (24%) masing-masing.

Contoh ayat rujukan personal: (dipetik dari KS1)

许多 学生 都 目睹 了 心目 中 的 偶像  
 Xǔduō xuéshēng dōu mùdǔ le xīnmù zhōng de ǒuxiàng  
 [Ramai] [pelajar] [telah] [menyaksikan] [dalam hati] [punya] [idola]

后, 都 兴奋 得 流下 眼泪, 真  
 hòu, dōu xīngfèn dé liúxià yǎnlèi, zhēn  
 [selepas], [pun] [teruja] [struktur partikel] [menumpahkan] [air mata], [benar-benar]

不敢 想象 待会 东方神起 在 舞台 上  
 bùgǎn xiǎngxiàng dài huì dōngfāngshénqǐ zài wǔtái shàng  
 [tidak berani] [bayangkan] [sekejap] [TVXQ] [di] [pentas] [atas]

表演 时, 他们 会 激动 得 怎样。  
 biǎoyan shí, tāmen huì jīdòng dé zěnyàng.  
 [persembahan] [masa] [mereka] [boleh] [bergembira] [struktur partikel] [bagaimana].

Terjemahan:

Ramai pelajar menangis dengan kegembiraan setelah melihat TVXQ<sup>1</sup>, sekiranya TVXQ mempersembahkan nyanyian dan tarian di atas pentas, Memang sukar untuk

<sup>1</sup> 东方神起 “dōngfāngshénqǐ” (terkenal sebagai TVXQ, akronim kepada *Tong Vfang Xien Qi*, merupakan satu kumpulan pop dari Korea Selatan.)

membayangkan apa reaksi mereka.

Penerangan:


Dalam contoh ayat yang dipetik di atas, ‘mereka’ merupakan tanda kohesi rujukan ganti nama personal. Dalam teks ini, mereka merujuk kepada TVXQ.

Kohesi rujukan memainkan peranan untuk menghubungkan ayat-ayat dalam perenggan. Jadi, pemilihan penanda kohesi yang sesuai dan penyusunan struktur ayat yang kohesif akan memudahkan pemahaman dan pembacaan. Contohnya,

“Ramai pelajar menangis dengan kegembiraan setelah melihat TVXQ, memang sukar untuk membayangkan apa reaksi ‘mereka’. Sekiranya TVXQ mempersembahkan nyanyian dan tarian di atas pentas.”

#### **4.2.1.2 Rujukan Demonstratif**

Terdapat tiga jenis rujukan demonstratif yang dikenali di dalam 30 sampel karangan. Senarai contoh-contoh rujukan demonstratif yang digunakan adalah seperti yang berikut: 这 “zhè” (ini/sini), 那 “nà” (itu), 此 “cǐ” (ini).



Carta 4.2.1.2.1: Kekerapan penggunaan koherensi rujukan demonstratif

Daripada Carta 4.2.1.2.1, didapati bahawa penggunaan rujukan demonstratif 这 “zhè” (ini/sini) dan 那 “nà” (itu) mempunyai kekerapan penggunaan yang dominan iaitu 70 kali (57%) dan 51 kali (42%) masing-masing, diikuti oleh 此 “cǐ” (ini) 1 kali (1%).

Contoh ayat rujukan demonstratif: (dipetik dari KS1)

Dalam sampel karangan yang telah dikajikan, contoh rujukan demonstratif yang wujud dalam sampel karangan KS1 adalah seperti berikut:

因为 今天 学校 里 将会 迎 来  
 Yīnwèi jīntiān xuéxiào lǐ jiānghuì yíng lái  
 [Kerana] [hari ini] [sekolah] [dalam] [akan] [menyambut] [Komplemen]

一 件 同 学 们 都 非 常 期 待 的  
 yī jiàn tóngxué men dōu fēicháng qídài de  
 [suatu] [penjodoh bilangan] [pelajar-pelajar] [semua] [amat] [menunggu] [punya]

事情, 当然 我 也是 其中 一 员。  
shìqíng, dāngrán wǒ yěshì qí zhōng yī yuán.  
[perkara], [semestinya] [saya] [juga] [salah satu] [satu] [ahli].

那 就是 今天 当红 的 人气 团体  
Nà jiùshì jīntiān dānghóng de rénqì tuántǐ  
[Itu] [adalah] [hari ini] [populer] [punya] [populer] [kumpulan]

东方神起 会 来 学校 义演。  
dōngfāngshénqǐ huì lái xuéxiào yìyǎn.  
[TVXQ] [akan] [datang] [sekolah] [konsert amal].


### Terjemahan:

Disebabkan pihak sekolah akan menyambut suatu perkara yang amat dinanti-nantikan oleh para pelajar pada hari ini, semestinya termasuk saya. Itu adalah kumpulan nyanyian yang popular, TVXQ akan datang ke sekolah demi tujuan konsert amal.

### Penerangan:

Ayat di atas dipetik dari sampel KS1 mempunyai kegunaan kohesi rujukan demonstratif. Perkataan 那 “Nà” (itu) dalam ayat di atas adalah rujuk kepada “perkara yang semua pelajar menanti-nantikan” (同学们期待的事情 “*tóngxuémen qídài de shìqíng*”).

## 4.2.2 Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian



Carta 4.2.2.1: Kecepatan penggunaan kohesi nahuan penggantian

Carta 4.2.2.1 menunjukkan penggunaan kohesi nahuan penggantian dalam setiap karangan. Daripada carta tersebut, didapati bahawa kebanyakan pelajar tidak menggunakan kohesi penggantian dalam karangan mereka. Dalam tiga sampel karangan yang dikenalpastikan, KS1 paling banyak menggunakan penggantian iaitu sebanyak tujuh kali, diikuti oleh KS9 (lima kali) dan KS15 (enam kali).

Contoh ayat penggantian: (dipetik dari KS7)

在	这	场	宴会	里,	大家
Zài	zhè	chǎng	yànhuì	lǐ,	dàjiā
[Di]	[ini]	[penjodoh bilangan]	[jamuan]	[kata bantu],	[semua orang]

看起来	都	十分	高兴,	实际上,	大家	的
kànqǐlái	dōu	shífēn	gāoxìng,	shíjìshàng,	dàjiā	de
[kelihatan]	[adverba]	[sangat]	[gembira]	[sebenarnya],	[semua orang]	[punya]



眼 腕 里 都 带 着 一 丝 的 悲 伤 。 这  
yǎnwǎn lǐ dōu dài zhe yī sī de bēishāng. Zhè  
[mata] [dalam] [pun] [membawa] [sedikit] [punya] [kesedihan]. [Ini]

也 是 没 办 法 的 事 ， 只 要 过 了 这 一 天  
yě shì méi bàn fǎ de shì , zhǐ yào guò le zhè yī tiān  
[juga] [tiada] [cara] [punya] [perkara], [asalkan] [selepas] [ini] [satu hari]

我 们 这 一 班 就 要 被 分 散 了 。  
wǒ men zhè yī bān jiù yào bèi fēn sǎn le.  
[kami] [ini] [satu] [kelas] [akan] [di] [dibubarkan] [partikel].

#### Terjemahan:

Dalam jamuan ini, semua orang kelihatan sangat gembira, sebenarnya dalam mata semua orang kelihatan sedikit sedih. Ini merupakan perkara yang tidak boleh dielakkan, sebaik sahaja selepas hari ini, kelas kami ini akan dibubarkan.

#### Penerangan:

Seperti mana yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini, 这 “zhè” (ini), ada kalanya memainkan peranan sebagai kohesi rujukan, tetapi ada juga kalanya sebagai kohesi penggantian. Dalam teks di atas, 这一天 “zhè yī tiān” (hari ini) adalah penanda kohesi nahuan penggantian dan bukannya kohesi rujukan sebab 这一天 “zhè yī tiān” (hari ini) dalam konteks ini tidak disebutkan pada ayat sebelumnya, dan ia merujuk kepada ‘majlis graduasi’ mengikut konteks wacana.

Bagi penanda kohesi penggantian yang sama, ia tidak semestinya merujuk kepada sesuatu yang sama, contohnya dalam ayat yang seterusnya dalam sampel yang

sama:

这 一天 是 我们 通往 另 一个 阶级 的  
Zhè yītiān shì wǒmen tōngwǎng lìng yīgè jiējí de  
[Ini] [satu hari] [adalah] [kami] [menuju ke] [lain] [satu] [peringkat] [punya]

关卡, 让 我们 进入 社会 的 大门。  
guānkǎ, ràng wǒmen jìnrù shèhuì de dàmén.  
[titiksemakan], [biar] [kami] [masuk ke] [sosial] [punya] [pintu besar].


Terjemahan:

Hari ini merupakan hari yang kami mencapai ke peringkat lain, kami akan mulai kehidupan baru yang tidak lagi sama dengan sekolah.

Penerangan:

Contoh ayat ini, sama seperti contoh ayat yang sebelum ini. 这一天 “zhè yītiān” (hari ini) dalam ayat ini juga penanda kohesi penggantian, yang bezanya ialah perkataan yang sama ini merujuk kepada ‘hari graduasi’.

### 4.2.3 Penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis



Carta 4.2.3.1: Kekerapan penggunaan kohesi nahuan elipsis

Carta 4.2.3.1 menunjukkan penggunaan kohesi nahuan elipsis dalam setiap karangan. Daripada carta tersebut, didapati bahawa kebanyakan pelajar menggunakan elipsis dalam karangan mereka. KS3 dan KS30 mempunyai kegunaan elipsis yang paling banyak iaitu sebanyak 12 kali, manakala KS12 dan KS22 hanya menggunakan elipsis sekali dalam karangan mereka. Simbol /Ø/ akan digunakan untuk mewakili guguran elipsis dalam ayat pelajar.

Contoh ayat elipsis (1): (dipetik dari KS1)

大约	半	小时	后,	当红	的	人气	偶像
Dàyuē	bàn	xiǎoshí	hòu,	dānghóng	de	rénqì	ǒuxiàng
[Kira-kira]	[setengah]	[jam]	[lepas]	[populer]	[punya]	[populariti]	[idola]

东方神起	终于	到达了。	许多	学生	见到
dōngfāngshénqǐ	zhōngyú	dàodále.	Xǔduō	xuéshēng	jiàn dào
[TVXQ]	[akhirnya]	[tiba].	[Banyak]	[pelajar]	[dapat tengok]

了/∅/	后	都	拼命	尖叫，	之后
le	hòu	dōu	pīnmìng	jiānjiào,	zhīhòu
[partikel]	[selepas]	[pun]	[sangat-sangat]	[menjerit],	[selepas itu]

东方神起	下	了	车，	向	我们	微笑，
dōngfāngshénqǐ	xià	le	chē,	xiàng	wǒmen	wéixiào,
[TVXQ]	[turun]	[partikel]	[kereta],	[menuju]	[kami]	[senyum]

然后	便	走进了	侯客	室。
ránhòu	biàn	zǒujìn le	hóukè	shì.
[kemudian]	[pun]	[jalan masuk ke]	[menunggu tetamu]	[bilik].

Terjemahan:

Kira-kira 30 minit kemudian, TVXQ akhirnya tiba. Ramai pelajar menjerit-jerit apabila nampak ketibaan (TVXQ /∅/), TVXQ turut keluar dari kereta, bersenyum dengan kami, lepas tu baru masuk ke bilik menunggu.

Penerangan:

Dalam teks di atas, TVXQ merupakan kata nominal yang digugurkan dalam ayat berikutnya, dan ayat ini tetap kohesif kerana pembaca masih boleh faham isi konteks yang ingin sampaikan dengan adanya item yang di lesap itu masih boleh dikesan daripada ayat sebelumnya.

Kohesi nahuan elipsis juga boleh dianggap sebagai “*zero substitution*” iaitu norminal, verbal atau klausa yang dinyatakan dilesapkan pada ayat atau klausa yang berikutnya.

Contoh ayat elipsis (2): (dipetik dari KS2)

有 时候 在 电视 节目 是 有 介绍  
Yǒu shíhòu zài diànshì jiémù shì yǒu jièshào  
[Ada] [kalanya] [di] [televisyen] [rancangan] [betul] [ada] [memperkenalkan]

海边 和 关于 海边 的 戏剧, 我 都 有  
hǎibiān hé guānyú hǎibiān de xìjù, wǒ dōu yǒu  
[pantai] [dan] [mengenai] [pantai] [punya] [drama] [saya] [pun] [ada]

认真 收看 /Ø/.  
rènzhēn shōukàn.  
[serius] [menonton].

Terjemahan:

Kadang-kadang dalam rancangan televisyen yang memperkenalkan tempat rekreasi tepi pantai atau drama yang berkaitan dengan tepi pantai, saya pasti menonton /Ø/.

Penerangan:

Dalam teks di atas, “rancangan televisyen yang berkaitan dengan tepi pantai” (关于海边的电视节目) merupakan kata klausa yang digugurkan.

Contoh ayat elipsis (3): (dipetik dari KS3)

爸爸 开车 载 我们 去 吃 早餐  
Bàba kāichē zài wǒmen qù chī zǎocān  
[Ayah] [memandu kereta] [tumpang] [kami] [pergi] [makan] [sarapan]

后 就 往 浮罗交怡 岛 开 去。  
 hòu jiù wǎng Fúluōjiāoyí dǎo kāi qù.  
 [selepas] [pun] [menuju] [Langkawi] [pulau] [memandu] [pergi].

已经 到达 了/Ø/, 爸爸 下车 就 说：  
 Yǐjīng dàodá le, bàba xiàchē jiù shuō:  
 [Sudah] [sampai] [partikel], [ayah] [turun kereta] [pun] [kata]

开 了 六 小时 的 车, 听到  
 kāi le liù xiǎoshí de chē, tīngdào  
 [memandu] [partikel] [enam] [jam] [punya] [kereta], [mendengar]

海浪 声, 总算 值得。  
 hǎilàng shēng, zǒngsuàn zhídé.  
 [gelombang] [bunyi], [akhirnya] [berbaloi].

#### Terjemahan:

Ayah memandu kereta membawa kami pergi bersarapan lalu bertolak ke Pulau Langkawi. Setelah sampai (Pualau Langkwai)/Ø/, ayah...


#### Penerangan:

Teks di atas, menunjukkan contoh pengguguran norminal, 浮罗交怡岛 “*Fúluōjiāoyí dǎo*” (Pulau Langkawi) adalah kata norminal yang digugurkan.

#### **4.2.4 Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi**


Di dalam kajian ini, empat jenis kohesi nahuan konjungsi yang digunakan oleh pelajar dalam karangan telah dianalisis. Berdasarkan kepada kerangka teori oleh Halliday dan Hasan (1976), ia boleh dibahagikan kepada empat jenis selanjutnya,

iaitu konjungsi aditif, konjungsi adversatif, konjungsi kausal dan konjungsi temporal.



Carta 4.2.4.1: Statistik penggunaan empat jenis kohesi konjungsi

Carta 4.2.4.1 menunjukkan statistik penggunaan empat jenis kohesi konjungsi di dalam 30 buah karangan pelajar tingkatan empat. Daripada carta itu, ia menunjukkan bahawa kohesi konjungsi adversatif merupakan category kohesi konjungsi yang paling kerap digunakan dengan 75 kali (45%) di dalam semua karangan. Diikuti oleh konjungsi kausal yang mencatat kekerapan 66 kali (39%). Konjungsi temporal mempunyai kekerapan 16 kali (9%) dan konjungsi aditif adalah jarang digunakan dengan hanya 11 kali (7%).




Carta 4.2.4.2: Penggunaan empat jenis kohesi konjungsi dalam setiap sampel

Carta 4.2.4.2 menghuraikan dengan selanjutnya untuk memberi bandingan kes-kes penggunaannya bagi empat jenis kohesi konjungsi yang digunakan di dalam setiap satu sampel karangan yang dianalisis.

#### 4.2.4.1 Konjungsi Aditif

Terdapat lima jenis konjungsi aditif yang dikenal pasti dalam 30 sampel karangan. Senarai contoh-contoh konjungsi aditif yang digunakan di dalam sampel karangan adalah seperti yang berikut: 而且 “*érqiě*” (dan), 不但 “*bùdàn*” (bukan sahaja), 不仅 “*bùjǐn*” (bukan sahaja), 甚至 “*shènzhì*” (malah), 也是 “*yěshì*” (juga).





Carta 4.2.4.1.1: Kekerapan penggunaan konjungsi aditif

Merujuk kepada carta 4.2.4.1.1, ia menunjukkan bahawa terdapat lima jenis konjungsi yang biasa digunakan dalam karangan pelajar. Di antaranya, perkataan 而且 “*érqiè*” merupakan konjungsi aditif yang kerap digunakan sebagai penanda bagi kewujudan informasi yang ada di dalam ayat seterusnya, ia digunakan dengan kekerapan sebanyak 55%, diikuti oleh 甚至 “*shènzhì*” (malah) 18%, 也是 “*yěshì*” (juga), 不但 dan 不仅 “*bùjǐn*” (bukan sahaja) masing-masing adalah 9%.

Contoh ayat konjungsi aditif: (dipetik dari KS2)

令 我 忘记 了 在 学校 的 一切  
 Ling wǒ wàngjì le zài xuéxiào de yīqiè  
 [Membuat] [saya] [terlupa] [komplemen] [di] [sekolah] [punya] [segala]

和 烦恼。  
 hé fánǎo.  
 [dan] [risauan].


Terjemahan:

Menyebabkan saya lupa akan segala yang berkenaan sekolah dan risauan.

Penerangan:

Dalam ayat di atas, penggunaan kata hubung ‘dan’ merupakan kohesi nahuan konjungsi aditif yang menggabungkan kata dengan kata.

#### 4.2.4.2 Konjungsi Adversatif



Carta 4.2.4.2.1: Kekekapan penggunaan konjungsi adversatif

Terdapat lapan jenis konjungsi adversatif dalam 30 sampel karangan. Senarai contoh-contoh konjungsi adversatif yang digunakan di dalam sampel karangan adalah seperti yang berikut: 就是 “*jiùshì*” (adalah), 只是 “*zhǐshì*” (hanya), 不过 “*bùguò*” (walau bagaimanapun), 可是 “*kěshì*” (tetapi), 但 “*dàn*” (tetapi), 但是 “*dànshì*” (tetapi), 虽然 “*suīrán*” (walaupun), 而 “*ér*” (tetapi). Di antara lapan jenis konjungsi adversatif yang dikenalpastikan dalam sampel, perkataan 就是 “*jiùshì*” (adalah) dan

只是 “zhǐshì” (hanya) wujud 3 kali iaitu sebanyak 4%, perkataan 不过 “bùguò” (walau bagaimanapun) memperoleh 8% daripada jumlah kekerapan penggunaan konjungsi adversitif, 可是 “kěshì” (tetapi) dan 虽然 “suīrán” (walaupun) masing-masing wujud sebanyak 15 kali. 但是 “dànshì” (tetapi) dan 而 “ér” (tetapi) memperoleh 17%, manakala 但 “dàn” (tetapi) pula memperoleh 10% daripada penggunaan konjungsi adversitif.

Contoh ayat konjungsi adversatif: (dipetik dari KS23)

虽然 这 不是 我 自己 的 大 日子, 但  
Suīrán zhè bùshì wǒ zìjǐ de dà rìzi, dàn  
[Walaupun] [ini] [bukan] [saya] [sendiri] [punya] [besar] [hari], [tetapi]

却 令 我 感到 很 兴奋, 期待。  
què lìng wǒ gǎndào hěn xīngfèn, qídài.  
[pula] [membuat] [saya] [berasa] [amat] [gembira], [menunggu].


Terjemahan:

Walaupun ini bukan hari kebesaran saya, tetapi saya pula berasa begitu gembira dan menanti-nantikan ketibaan tarikh itu.

Penerangan:

Dalam ayat di atas, perkataan 虽然 “suīrán” (walaupun) dan 但 “dàn” (tetapi) merupakan kata penghubung yang menghubungkan dua ayat singkat menjadi ayat majmuk. Dalam contoh ayat ini, hubungan antara dua ayat adalah adversatif di mana dua bahagian ayat ini adalah bertentangan makna.

#### 4.2.4.3 Konjungsi Kausal



Carta 4.2.4.3.1: Kekerapan penggunaan konjungsi kausal

Terdapat lima jenis konjungsi kausal yang dikenali dalam 30 sampel karangan. Senarai contoh-contoh konjungsi kausal yang digunakan di dalam sampel karangan adalah seperti yang berikut: 因为 “yīnwèi” (kerana), 所以 “suǒyǐ” (oleh itu), 因此 “yīncǐ” (oleh itu), 由于 “yóuyú” (oleh kerana), 原来 “yuánlái” (jadi).

Peratusan penggunaan bagi 因为 “yīnwèi” (kerana) adalah 53%, 所以 “suǒyǐ” (oleh itu) 24%, 由于 “yóuyú” (oleh kerana) 12%, 因此 “yīncǐ” (oleh itu) 5%, 原来 “yuánlái” (jadi) 6%. Antara lima jenis kata konjungsi kausal, perkataan 因为 “yīnwèi” (kerana) paling tinggi kekerapan penggunaannya, manakala 原来 “yuánlái” (jadi) hanya digunakan sebanyak empat kali.

Contoh ayat konjungsi kausal: (dipetik dari KS20)

我 期待 新年 的 到来 是 有  
Wǒ qídài xīnnián de dào lái shì yǒu  
[Saya] [berharap] [tahun baru] [punya] [kedatangan] [ialah] [ada]

几个 原因 的。  
jǐ gè yuányīn de.  
[beberapa] [sebab] [patikel].

其中 一个 原因 是 因为 有 漂亮 的  
Qízhōng yīgè yuányīn shì yīnwèi yǒu piàoliang de  
[Salah] [satu] [sebab] [adalah] [kerana] [ada] [cantik] [punya]

新 衣裳, 新 鞋 袜 可以 穿。  
xīn yīshang, xīn xié wà kěyǐ chuān.  
[baru] [baju], [baru] [kasut] [stoking] [boleh] [pakai].


Terjemahan:

Saya menanti-nanti ketibaan Tahun Baru ada beberapa sebabnya. Salah satu sebabnya adalah kerana terdapat baju baru yang cantik serta kasut stoking yang cantik untuk dipakai.

Penerangan:

Dalam ayat di atas, perkataan kerana merupakan kata penghubung yang digunakan dalam kohezi konjungsi kausal.

#### 4.2.4.4 Konjungsi Temporal



Carta 4.2.4.4.1: Kekerapan penggunaan konjungsi temporal

Terdapat tiga jenis konjungsi temporal yang dikenali di dalam 30 sampel karangan. Contoh konjungsi kausal yang digunakan di dalam sampel karangan adalah seperti yang berikut: 然后 “*ránhòu*” (kemudian), 于是 “*yúshi*” (kemudian), 后来 “*hòulái*” (kemudian). Peratusan penggunaan bagi 然后 “*ránhòu*” (kemudian) ialah 81%, 后来 “*hòulái*” (kemudian) 6%, 于是 “*yúshi*” (kemudian) 13%. Dalam 30 sampel yang dikaji, perkataan 后来 “*hòulái*” (kemudian) diulang berkali-kali dengan kekerapan 13 kali, ini telah membosankan pembaca.

Contoh ayat konjungsi temporal: (dipetik dari KS24)

当天， 我 的 爸爸 先 去 油站 加  
Dàngtiān, wǒ de bàba xiān qù yóuzhàn jiā  
[Hari itu], [saya] [punya] [ayah] [dahulu] [pergi] [petrol stesen] [isi]

满 油， 然后 我们 就 出发 去 了。  
mǎn yóu, ránhòu wǒmen jiù chūfā qù le.  
[penuh] [petrol], [kemudian] [kami] [pun] [bertolak] [pergi] [komplemen].

Terjemahan:

Pada hari itu, ayah saya pergi petrol stesen untuk tambah penuh petrol dahulu, kemudian kami pun bertolak.

Penerangan:

Dalam ayat di atas, perkataan kerana merupakan kata penghubung yang digunakan dalam kohesi konjungsi kausal.

### **4.3 Kesalahan Penggunaan Kohesi Nahuan**

Kesalahan ketara yang dikesankan daripada karangan adalah penggunaan kohesi nahuan yang tidak tepat dan kurang sesuai digunakan dalam ayat-ayat, ia mengelirukan pembaca tentang siapa ataupun apa yang dirujuk oleh penulis.

#### **4.3.1 Kesalahan Penggunaan Penggantian**

Dengan penggunaan penggantian yang sesuai, ia boleh mengelakkan pengulangan sesuatu kata nama, kata verbal ataupun klausa dengan menggantikannya

dengan perkataan lain, penggunaan penggantian yang tidak sesuai ataupun salah akan mengelirukan pembaca. Contoh ayat (dipetik dari KS1) yang menggunakan penggantian yang tidak sesuai adalah seperti berikut:

今天， 我们 的 心愿 终于 要 达成了，  
Jīntiān, wǒmen de xīnyuàn zhōngyú yào dáchéngle,  
[Hari ini] [kita] [punya] [hasrat] [akhirnya] [mahu] [dicapai],

距离 演出 开始 还有 两 小时， 但 学校  
jùlí yǎnchū kāishǐ hái yǒu liǎng xiǎoshí, dàn xuéxiào  
[jarak] [persembahan] [bermula] [masih ada] [dua] [jam], [tetapi] [sekolah]

已经 挤满了 人群。 除此以外， 还 有些 学生  
yǐjīng jǐmǎnle rénqún. Chúcǐyǐwài, hái yǒuxiē xuéshēng  
[sudah] [padat] [orang ramai]. [selain ini], [masih] [ada sedikit] [pelajar]

因为 即将 要 亲眼目睹 自己 的  
yīnwèi jíjiāng yào qīnyǎnmùdǔ zìjǐ de  
[kerana] [akan] [mahu] [melihat dengan mata sendiri] [sendiri] [punya]

偶像 而 激动 得 当场 流泪。  
ǒuxiàng ér jīdòng dé dāngchǎng liúlèi.  
[idola] [dan] [gembira] [sehingga] [sana] [menangis].

#### Terjemahan:

Hari ini, hasrat kami akan tercapai akhirnya, persembahan akan dimulakan dalam masa dua jam lagi, tetapi sekolah telah dipenuhi oleh orang ramai. Selain ini,



sesetengah pelajar menangis kegembiraan kerana boleh menyaksikan artis kegemaran mereka sebentar lagi.

Penerangan :

Dalam contoh ayat di atas, pelajar menggunakan perkataan selain ini 此 “*cǐ*” (*ini*) sebagai penanda kohesi untuk menggantikan perkara yang telah disebutkan sebelumnya, tetapi, dalam konteks ini, adanya dua perkara yang telah disebutkan, iaitu:

- a) 我们的心愿终于要达成了。(hasrat kami akan tercapai akhirnya)
- b) 距离演出开始还有两小时，但学校已经挤满了人群。(walaupun persembahan akan dimulakan dalam masa dua jam lagi, tetapi sekolah telah dipenuhi oleh orang ramai)

dan ayat seterusnya:

“还有些学生因为即将要亲眼目睹自己的偶像而激动得当场流泪”  
(sesetengah pelajar menangis kegembiraan kerana boleh menyaksikan artis kegemaran mereka sebentar lagi)

Penggunaan perkataan 此 “*cǐ*” (*ini*) dalam konteks ini, tidak nampak kesinambungannya, maka penggunaan penanda kohesi ganti dalam ayat ini adalah tidak betul. Ini menunjukkan pelajar ini tidak mahir dalam menggunakan kata-kata hubung untuk menjalinkan ayat dalam perenggan.

Demi membetulkan ayat di atas, seharusnya keluarkan perkataan 除此以外 *Chúciǎiwài* (selain ini), maksud ayat ini sudah cukup jelas.

#### 4.3.2 Kesalahan Penggunaan Elipsis

Penggunaan elipsis yang sesuai akan menjadikan ayat lebih ringkas dan padat dalam penyampaian maklumat tanpa pengulangan sesuatu kata nama, kata verbal ataupun klausa. Terdapat dua jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, iaitu, menggunakan strategi kohesi elipsis sehingga mengelirukan pembaca tentang maklumat yang disampaikan. Satu lagi kesalahan ialah langsung tidak menggunakan strategi kohesi elipsis dan mengulangkan perkataan yang sama. Berikut adalah contoh ayat yang menggunakan elipsis yang tidak sesuai (dipetik dari KS15):

一路上	我	都	感觉	到	很多	人
Yīlùshàng	wǒ	dōu	gǎnjué	dào	hěnduō	rén
[Sepanjang jalan]	[saya]	[pun]	[berperasan]	[komplemen]	[ramai]	[orang]

在	看着,	搞得	我	有点	紧张。
zài	kànzhe,	gǎodé	wǒ	yǒudiǎn	jǐnzhāng.
[sedang]	[melihat],	[membuat]	[saya]	[ada sedikit]	[ketegangan].

Terjemahan:

Di sepanjang jalan, saya merasa ramai orang memandang dan ini membuat saya berasa sedikit ketegangan.

Penerangan:

Ayat ini adalah mengelirukan kerana ia tidak memberitahu kepada pembaca apakah yang orang ramai melihat. Ayat tersebut seharusnya ditulis seperti berikut :

一路上 我 都 感 觉 到 很 多 人  
Yīlùshàng wǒ dōu gǎnjué dào hěnduō rén  
[Sepanjang jalan] [saya] [pun] [berperasan] [komplemen] [ramai] [orang]

在 看 着 我, 搞 得 我 有 点 紧 张。  
zài kànzhe wǒ, gǎodé wǒ yǒudiǎn jǐnzhāng.  
[sedang] [melihat] [saya] [membuat] [saya] [ada sedikit] [ketegangan].

Di sepanjang jalan, saya merasa ada ramai orang memandang saya, dan ia membuat saya berasa sedikit ketegangan.

Contoh ayat yang dipetik dari K24:

当 还 没 到 达 桥 尾 的  
Dāng hái méi dàodá qiáo wěi de  
[Apabila] [belum lagi] [sampai] [jambatan] [hujung] [punya]

时 候, 我 就 看 了 设 置 在 我  
shíhòu, wǒ jiù kànle shèzhì zài wǒ  
[ketika] [saya] [pun] [membaca] [ada] [di] [saya]

车 内 的 卫 星 导 航。  
chē nèi de wèixīng dǎoháng.  
[dalam kereta] [punya] [satelit] [navigasi].

Terjemahan:

Sebelum sampai ke penghujung jambatan, saya pun melihat satelit navigasi (GPS)

yang ada dalam kereta saya.

Penerangan:

Perkataan “saya” yang kedua boleh digugurkan untuk mengelakkan pengulangan kata ganti nama kerana ia adalah jelas kepada pembaca bahawa kereta itu adalah merujuk kepada kereta penulis.

Ayat yang betul seharusnya sebegini:

当	还没	到达	桥	尾	的
Dāng	hái méi	dàodá	qiáo	wěi	de
[Apabila]	[belum lagi]	[sampai]	[jambatan]	[hujung]	[punya]

时候,	我	就	看了	设置	在
shíhòu,	wǒ	jiù	kànle	shèzhì	zài
[ketika]	[saya]	[pun]	[membaca]	[ada]	[di]

车内	的	卫星	导航。
chē nèi	de	wèixīng	dǎoháng.
[dalam kereta]	[punya]	[satelit]	[navigasi].

“Sebelum sampai ke penghujung jambatan, saya pun membaca satelit navigasi yang sedia ada di dalam kereta.”

### 4.3.3 Kesalahan Penggunaan Konjungsi Aditif

Konjungsi aditif digunakan untuk menambah sesuatu informasi kepada ayat. Tetapi dalam contoh ayat dipetik dari KS9, perkataan 虽然如此 “*suīránrúci*” (walaupun demikian) menunjukkan sesuatu yang bertentangan maksud yang

berikutnya, tetapi penggunaan konjungsi aditif 也是 “yěshì” (juga) menyampaikan sesuatu yang berlainan.

虽然如此,	我	也是	抱持	开朗	和
Suīránrúci,	wǒ	yěshì	bàochí	kāilǎng	hé
[Walaupun demikian,]	[saya]	[juga]	[memegang]	[ceria]	[dan]

期待	的	心情	去	完成
qídài	de	xīnqíng	qù	wánchéng
[menunggu-nunggu]	[punya]	[perasaan]	[pergi]	[menyelesaikan]

和	工作。
hé	gōngzuò.
[dan]	[kerja].

#### Terjemahan:

Walaupun demikian, saya juga menyelesaikan (masalah) dan bekerja dengan perasaan yang ceria.

#### Penerangan:

Walaupun demikian, saya tetap menyelesaikannya dan bekerja dengan mood yang ceria.

#### **4.3.4 Kesalahan Penggunaan Konjungsi Adversatif**

Konjungsi adversatif digunakan untuk menghubungkan dua ayat atau klausa yang bertentangan makna. Contoh ayat dipetik dari KS19 untuk perbincangan:

(Perenggan satu)

九月 二十 日 刚 天亮 的 时候，  
Jiǔyuè èrshí rì gāng tiānliàng de shíhòu,  
[September] [dua-puluh] [hari] [baru] [subuh] [punya] [masa],

我们 就 已经 出发 到 台湾。 我 跟  
wǒmen jiù yǐjīng chūfā dào táiwān. Wǒ gēn  
[kami] [pun] [sudah] [bertolak] [ke] [Taiwan]. [Saya] [dengan]

我 家人 都 满心 期待  
wǒ jiārén dōu mǎnxīn qídài  
[saya] [ahli keluarga] [pun] [penuh hati] [tidak bersabar-sabar]

这 一刻 的 到来。  
zhè yīkè de dàolái.  
[ini] [saat] [partikel] [kedatangan].

Terjemahan:

Pada 20hb september, kami pun bertolak ke Taiwan pada waktu subuh. Saya dengan ahli keluarga saya pun menunggu-nunggu kedatangan saat ini.

(Perenggan dua)

不过， 让 人 意想不到 的 是  
Bùguò, ràng rén yìxiǎngbùdào de shì  
[Tetapi], [kata sendi] [orang] [tidak dijangka] [partikle] [adalah]

台湾 在 下雨。  
táiwān zài xiàyǔ.  
[Taiwan] [sedang] [hujan].

Terjemahan:

Tetapi, yang tidak dapat kami jangkakan adalah Taiwan tengah hujan.

Penerangan:

Perkataan 不过 “*bùguò*” (tetapi) telah digunakan sebagai pembuka ayat pada perenggan yang baru, tetapi ia tidak menghubungkan perenggan sebelumnya, dan dua bahagian ayat ini tidak mempunyai maksud yang bertentangan. Maka, perkataan 不过 “*bùguò*” (tetapi) sepatutnya digugurkan menjadi :

让	人	意想不到	的	是	台湾
ràng	rén	yìxiǎngbùdào	de	shì	táiwān
[kata sendi]	[orang]	[tidak dijangka]	[partikle]	[adalah]	[Taiwan]

在	下雨。
zài	xià yǔ.
[sedang]	[hujan].

Terjemahan:

Yang tidak dapat kami jangkakan adalah Taiwan tengah hujan.

#### 4.3.5 Kesalahan Penggunaan Konjungsi Kausal

Pelajar sering keliru dengan penggunaan perkataan 因为 “*yīnwèi*” (kerana) dengan 由于 “*yóuyú*” (oleh kerana). Contoh ayat dalam KS14:

因为	我	那	心急	的	性格,	忘记了
Yīnwèi	wǒ	nà	xīnjí	de	xìnggé,	wàngjì le
[Kerana]	[saya]	[itu]	[tidak sabar]	[punya]	[personaliti],	[lupa akan]

与	父母	必须	遵守	的	诺言...
yǔ	fùmǔ	bìxū	zūnshǒu	de	nuòyán...
[dengan]	[ibu bapa]	[perlu]	[mematuhi]	[punya]	[janji]...

Terjemahan:

Kerana personaliti saya yang kurang kesabaran, lupa akan janji dengan ibu bapa yang perlu dipatuhi...

Penerangan:

Dalam ayat ini, “oleh kerana” adalah perkataan yang lebih sesuai kerana penulis terlupa akan mematuhi janjinya dengan ibu bapa berpunca daripada personalitinya yang kurang kesabaran.

#### **4.3.6 Kesalahan Penggunaan Konjungsi Temporal**

Pelajar menggunakan konjungsi temporal sebagai pembuka ayat, terutamanya perkataan 然后 “*ránhòu*” (kemudian) untuk menjalinkan ayat dengan ayat dan juga perenggan dengan perenggan.

Ayat di bawah ini merupakan salah satu contohnya kesalahan penggunaan konjungsi temporal. Pelajar menggunakan perkataan 然后 “*ránhòu*” (kemudian) untuk menjalinkan perenggan dengan perenggan tetapi, ayat ini tidak ada kesinambungan dengan ayat sebelumnya.



然后,	新年	也是	一个	可以	和
Ránhòu,	xīnnián	yěshì	yīgè	kěyǐ	hé
[Kemudian],	[Tahun Baru]	[juga adalah]	[satu]	[boleh]	[dengan]

所有	亲朋好友	团聚	的	一个	日子。
suǒyǒu	qīnpéngqīyǒu	tuánjù	de	yīgè	rìzi.
[semua]	[rakan-rakan dan saudara-mara],	[berkumpul]	[punya]	[satu]	[hari].

Terjemahan:

Kemudian, Tahun Baru juga adalah satu hari bagi saudara-mara dan rakan untuk berkumpul.

Penerangan:

Dalam ayat ini, kata konjungsi temporal “kemudian” yang digunakan sebagai pembuka kata tidak ada kaitan dengan ayat sebelumnya, dan sepatutnya digugurkan.

#### **4.4 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji telah meneliti dapatan kajian mengikut empat jenis kohesi yang telah digunakan di dalam karangan pelajar. Rujukan terdiri daripada 41% daripada kesemua jenis kohesi nahuan yang digunakan, diikuti oleh penggunaan konjungsi 29%, elipsis 27% dan penggantian 3%. Di dalam kategori rujukan, 49% adalah rujukan personal, dan 51% adalah rujukan demonstratif, dengan rujukan komparatif tidak digunakan. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Ayub, Seken dan Suarnajaya (2013) (walaupun bahasa karangan yang dikaji adalah

bahasa Inggeris), iaitu rujukan personal adalah paling kerap digunakan, dan diikuti oleh konjungsi, elipsis dan penggantian.

Di dalam kategori kohezi konjungsi pula, ia terdiri daripada 45% konjungsi adversatif, 39% konjungsi kausal, 9% konjungsi temporal, dan 7% konjungsi aditif. Dapatan kajian ini adalah berbeza dengan dapatan kajian oleh Lin (2008: 37), di mana kohezi yang paling kerap digunakan adalah konjungsi kausal (46.15%), diikuti oleh konjungsi adversatif (21.89%), konjungsi temporal (17.58%) dan konjungsi aditif (14.29%).

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini akan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang disenaraikan dalam bab 1.3. Kajian ini telah meninjau persoalan kajian dalam bab 1.4, di mana strategi penggunaan kohesi nahuan, kekerapan penggunaan dalam karangan pelajar tingkatan empat telah dikenal pasti. Kesalahan dan ketidaksesuaian penggunaan kohesi dalam karangan telahpun disenaraikan dan dibincangkan di bab 4.3. Selain itu, cadangan untuk kajian selanjutnya juga akan dibincangkan, disamping itu akan sentuh serba sedikit mengenai ciri-ciri penggunaan kohesi yang sesuai untuk menghasilkan sebuah karangan yang bagus.

#### **5.1 Perbincangan Kajian**

Berdasarkan dapatan kajian dan analisis, didapati beberapa kelemahan dan kesalahan yang ketara dalam penggunaan kohesi nahuan dalam karangan pelajar.

Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Menggunakan kohesi nahuan yang salah.
- b) Menggunakan kohesi nahuan di mana ia tidak diperlukan.
- c) Menggunakan kohesi nahuan di tempat ayat yang salah.
- d) Menggunakan kohesi nahuan yang tidak sesuai pada permulaan ayat.
- e) Mengulangi kohesi yang sama, dan menyampaikan idea yang sama.

f) Ketidaksinambungan antara ayat dengan ayat akibat penggunaan strategi kohesi yang tidak sesuai.

g) Bilangan jenis perkataan yang digunakan dalam kohesi yang kurang. Penggunaan jenis kohesi yang pelbagai merupakan salah satu cara untuk menghasilkan karangan yang boleh menarik perhatian pembaca.

Dalam proses menganalisis wacana, pengkaji dapat merumuskan beberapa kelemahan pelajar, antaranya adalah seperti berikut:

a) Tidak menggunakan tanda baca yang betul.

b) Kesalahan tatabahasa yang mengganggu kelancaran membaca.

c) Struktur ayat yang salah.

d) Penyusunan urutan ayat yang kurang teratur.

e) Penyampaian idea yang tidak jelas dan megelirukan. Kekurangan ini adalah berkaitan dengan kekurangan isi untuk ditulis.

f) Ayat diulang berkali-kali, pelajar tidak dapat mengembangkan isi dengan bagus, kemungkinan kekurangan membaca dan latihan menulis.

g) Ayat yang terlalu panjang dan maksudnya tidak jelas.

h) Penggunaan ganti nama diri ketiga yang salah, tidak tahu membezakan ganti nama bagi manusia, binatang, benda bukan hidup.

i) Kekeliruan dalam penggunaan rujukan demonstratif 'ini' (这) dan 'itu' (那).

Dalam kajian ini, karangan yang telah dipilih adalah hasil tulisan pelajar-pelajar dari sebuah sekolah menengah yang berkaum Cina, dan bahasa Cina merupakan bahasa ibunda mereka. Medium pertuturan harian mereka bukannya bahasa Cina tetapi menggunakan dialek masing-masing. Mereka telah mempelajari bahasa Cina sejak sekolah rendah dan mempunyai pendedahan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina sekurang-kurangnya sembilan tahun.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan mereka dalam membina ayat, menyusun idea-idea dalam persembahan karangan, dan penggunaan kohesi dalam bentuk penulisan masih lemah.

Dari aspek penguasaan kohesi, ia tidak mencapai jangkauan yang sepatutnya, kerana terdapat kesalahan dalam penggunaan kohesi nahan untuk menghubungkan ayat-ayat dan dalam penyampaian maklumat. Dari segi kekerapan penggunaan, kohesi rujukan mempunyai kekerapan penggunaan yang paling tinggi berbanding dengan penggunaan kohesi yang lain seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 4.1.1. Dapatan kajian ini sama dengan dapatan kajian daripada beberapa orang penyelidik dari luar negara yang telah menganalisis kekerapan penggunaan kohesi dalam karangan bahasa Inggeris dan juga bahasa Cina. Walaupun dalam kajian mereka, tidak dihuraikan punca yang menyebabkan pelajar-pelajar cenderung menggunakan kohesi tersebut namun pada pendapat pengkaji, hal ini mungkin berkait rapat dengan jenis karangan dan tajuk karangan yang ditetapkan.

Limitasi-limitasi dari segi analisis dalam kajian ini adalah tidak dapat mengesahkan faktor yang menyebabkan pelajar cenderung menggunakan kohesi rujukan dan kohesi konjungsi seperti yang dinyatakan dalam bab 1.6. Menurut pengalaman pengkaji, kecenderungan ini mempunyai beberapa kemungkinan. Pertama, pengaruh daripada bahasa vernakular pelajar berkenaan. Kedua, faktor perbezaan tajuk dan isi kandungan karangan. Selain itu, tahap pencapaian bahasa Cina yang berlainan juga mungkin akan mempengaruhi strategi kohesi yang digunakan.

Daripada kajian ini, ia menunjukkan kelemahan pelajar dalam menghasilkan karangan yang baik dengan menggunakan kohesi nahuan yang tepat. Ia adalah berkaitan dengan penguasaan kohesi dalam penulisan. Pelajar seharusnya belajar menggunakan strategi kohesi untuk menghubungkan ayat dengan ayat supaya karangan yang ditulis oleh mereka lebih kohesif, dan elakkan mengulang-ulang ayat. Pelajar juga digalakkan mempelbagaikan strategi kohesi yang digunakan dalam penulisan karangan supaya tidak membosankan pembaca.

## **5.2 Cadangan**

Kerangka teori kohesi merupakan asas bagi suatu bahasa untuk membina suatu wacana yang utuh. Penggunaan kohesi adalah satu process yang penting dalam mempelajari dan menggunakan suatu bahasa sebagai satu medium berkomunikasi baik dalam bentuk pertuturan ataupun penulisan. Dengan penguasaan kemahiran dalam tatabahasa dan kohesi sesuatu bahasa, pelajar akan dapat menggunakan

pelbagai jenis kohesi untuk membina ayat-ayat dengan lancar dan bagus, dan menghasilkan karangan yang berkualiti.

Dapatan kajian ini mencerminkan kekangan pelajar dalam menulis karangan yang baik. Antara kelemahan yang ketara ialah pelajar tidak menggunakan kohesi nahuan dengan tepat.

Untuk membantu pelajar mengatasi kelemahan ini, guru-guru bahasa Cina boleh memberi tumpuan kepada penggunaan kohesi nahuan semasa merancang strategi pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks ini guru-guru perlu menitikberatkan pembelajaran kohesi nahuan dan penggunaannya dalam karangan untuk menghasilkan ayat-ayat yang berkohesi dan utuh seterusnya dapat menyampaikan idea yang berurutan.

Selain dapat memperkenalkan pelbagai jenis kohesi nahuan kepada pelajar, pengajaran harus menfokuskan kepada koherensi yang wujud anantara ayat-ayat dalam karangan.

Guru-guru boleh mengumpulkan contoh-contoh kesalahan penggunaan kohesi yang wujud dalam karangan pelajar dan minta pelajar membuat pembetulan bersama-sama ketika aktiviti perbincangan dalam kumpulan. Guru-guru juga boleh menayangkan filem adaptasi dari karya buku atau novel, kemudian membimbing pelajar membaca karya asli untuk memupuk minat membaca di kalangan pelajar. Penerbitan karya karangan pelajar dalam majalah sekolah atau persatuan juga

merupakan salah satu usaha untuk menggalakkan pelajar mengarang.

